Now, in Brunei today there is blood being shed, blood of innocent people, and this blood must surely remain a stain on the hands of the Federation Prime Minister himself, and I think in his most sober moments, when he is not so obsessed with Malaysia, he will realise that his conscience will also be stained. I think this is appropriate time for the Prime Minister to realise that his Malaysia plan is a plan which will be a failure unless it comes in with the will and wishes of the people of the territories concerned. I think it would be in keeping with his dignity, if he confesses his error in the past, if he confesses that people cannot be coerced or bullied into joining any territory which they do not want to join.

Mr Speaker, Sir, before I finish, there are a few extracts from the Prime Minister's statement which I cannot pass without comments, and which I would like to comment on. I quote from the *Straits Times*:

"The Tengku said the deeds of some members of the Opposition were not in conformity with what was expected of them as citizens of Malaya."

Mr Speaker, Sir, I am one of the Opposition and I say this—and I hope it will be understood—that as a citizen of this country and as a Member of this House, I am not going to bow my head to anything that the Government side or any member of the Government may say. I stand here with my demo-

cratic right to oppose when I wish to oppose and when I think I have a right to oppose; and if that is being construed as not in keeping with the loyal citizens of this country, then it does not bother me at all—you can go on forming that impression, because people will only laugh at you.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Prime Minister went on to say:

"In fact, he said, their actions were more in line with that of the Communists of Indonesia who had opposed the Malaysia plan."

Sir, I have opposed Indonesia and her policies time and again in this House. I have no love for Indonesia. She is not a democratically led nation, and I have no sympathy for Indonesia; but because Indonesia opposes the Malaysia plan and I oppose the Malaysia plan, it is a ridiculous inference to say that we are in keeping with the Indonesia's policy. If that is so, Mr Speaker, Sir, perhaps there will be no better country to which such sayings could apply than in relation to Malaya. You follow British policy, you follow American policy. Then are you slaves of Britain and America? It is statements of this nature that are so mischievous and which create a bad taste in the international world so far as Malaya is concerned.

Mr Speaker, Sir, then we come to a statement where the Tunku is reported to have said:

"The Tengku said that he passed this information on to Lord Selkirk, the Commissioner-General for South East Asia, and said that unless the British and Brunei Governments would protect Malayan officers and guarantee their safety he would withdraw all of them."

Sir, it looks as if the Prime Minister of the Federation was acting as an informer (*laughter*) because he says he got information and as an informer he passed it on for appropriate action. I do not know where he thinks he will be going.

Again, Sir, I quote from the *Straits Times*, which says:

"The Tengku said that two days ago the Barisan Socialis openly supported the rebellion and two parties in the Federation also gave their backing."

Sir, does the Tunku expect all citizens of this country to say, "You are right, Sir. Everything you do is correct, Sir. Everything you do we agree, Sir." If he expects that, then I say, if and when he ceases to be the Prime Minister—and one day he will cease to be the Prime Minister—he will realise that he was asking for something which no leader in the world had managed to get.

Mr Speaker, Sir, the sending of 150 policemen to Brunei has been put down as a normal every-day affair—where we are entitled to send policemen to Brunei, we send them to Brunei. Who is going to be fooled by this statement? Why did you send policemen at this stage? Why did you airlift them? Why? Because there is a fight in Brunei now, because you want to intervene in that fight; and because you want to use these policemen to intervene in that fight—in whatever manner it does not matter. You are sending them to supplement the forces in Brunei. Do you think you can fool the people by saying, "This is a normal Police action; and therefore we send them."? You are sending them there to oppress and suppress the people of Brunei—for this is a true nationalist movement. Mr Speaker, Sir, perhaps the situation could have been saved if the Honourable Prime Minister had thought, "Well, let me go to the House, let me ask what it thinks about this and then let us decide whether we should intervene at all." But I say Malaya has no right to intervene. I say that the Prime Minister of this country has no right to make such an offensive statement in this House, almost declaring war on what has been termed as a "nationalist movement" in Brunei. What rights have we got to interfere in an internal matter of that nature—is it because you want Malaysia that you want to intervene? By doing this, Mr Speaker, Sir, the Federation Government is getting committed to such an extent that one day, as I said, this person who does not know the limit of his power or his influence of this country will realise that he is trying to eat too much and when that happens it is not the Federation Prime Minister alone who will suffer but also the people of the Federation who will ultimately suffer.

I ask you, since you antagonise each and everyone who is against you, and you antagonise people who are in opposition to the British Camp—now I hope this will never happen and it can never happen—what are you going to do if one day somebody were to bring an aeroplane and put a big bomb in your country? What are you going to do then? Where are you going to run? Are you going to defend yourself? What is your army, what is your navy, what is your military strength? Remember these things before you talk big and then perhaps you will realise that as an independent nation our policy should be one of neutrality and absolute neutrality.

Mr Speaker, Sir, I do not think I can usefully say more, except to say that we in this House of the Opposition are ready to give and ready to take. But when we give we hope you can take it as well, because if you want to descend to abuse we can descend to abuse too. But when we descend to abuse I hope you can take it.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini yang mana sa-suai dengan dasar ucapan yang telah di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri tentang masalah di-Brunei yang sekarang ini telah menjadi suatu medan di-mana darah ra'ayat telah mula mengalir. Tuan Yang di-Pertua, sa-belum Yang Teramat Mulia Perdana Menteri mengemukakan ucapan-nya sa-malam, dengan sa-chara tidak ikhlas dan jujur dan dengan tidak sa-chara *gentleman*, Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Pembangkang telah meninggalkan Dewan ini. Tidakkah kita mengetahui apa-kah tujuan dan maksud daripada peninggalan tempat oleh Ahli² Yang Berhormat pehak Pembangkang itu. Tetapi itu ada-lah sa-bagai satu bukti yang menunjukkan bahawa mereka mahu memberi sahaja, tetapi tidak mahu menerima. Baharu sa-bentar tadi Yang Berhormat dari Ipoh telah menyatakan pendirian-nya: kami sanggup memberi dan kami sanggup menerima. Tetapi,

kenapa tidak sanggup menerima apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri sa-malam? Kenapa tidak mahu memahamkan ini semua? Dan kenapa tidak mahu memikirkan lebeh lanjut akibat² yang akan timbul daripada tindakan yang di-lakukan itu?

Tuan Yang di-Pertua, amat ber-untung pemberontak² itu sekarang ini dan Azahari akan gemok di-Manila bila mendengar ucapan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara sa-bagai juruchakap mereka itu dalam Dewan ini (*Tepok*). Beliau meng-agongkan Azahari dengan "Yang Terutama Tuan Azahari" sa-bagai Tuan Besar, yang telah berani menumpahkan darah ra'ayat, tetapi meninggalkan tanah ayer-nya untuk kesenangan diri-nya di-Manila. Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat pehak PAS hendak-lah mengetahui dengan dalam-nya akan apa-kah akibat daripada perbuatan yang tidak ber-tanggung-jawab. Berkaitan dengan ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, telah nampak gejala dan tanda bahawa PAS akan mempunyai satu pendirian yang tidak sa-suai dengan dasar demokrasi negeri ini. Saya dengan tegas me-ninggalkan PAS. Saya telah tahu lebeh dahulu apa yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Azahari telah meninggalkan Brunei dan meninggalkan ra'ayat bergelimpangan yang ta' makan dan minum, sebab dia ingin mengangkat diri-nya sa-bagai Perdana Menteri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang saperti ini pernah pada satu masa dahulu berlaku dalam Tanah Melayu ini, di-mana pemimpin yang meng-gelarkan diri-nya pemimpin ke-bangsaan yang *revolutionary* yang membangunkan semangat dan jiwa ra'ayat yang menggelegak sa-hingga kebanyakan ra'ayat yang tidak berdosa lari masuk ka-dalam hutan. Pemimpin² yang pengechut lari ka-Singapura dan tidak mendapat suatu apa pun (*Tepok*). Perbuatan ini, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi pelajaran kepada kita, yang kita harus mengambil tauladan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpen-dapat keluar dari persidangan ini tidak-lah bijak. Kalau hendak mengikut

perkembangan dan hendak mengikut sa-suatu yang berlaku hendak-lah di-ikuti dari awal. Dan dasar sendiri oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS tentu-lah tahu bahawa Islam menyuroh mendengar, kemudian ikut mana yang baik—dengar-lah apa orang berkata, kemudian ikut-lah mana yang baik untok di-ikut, mana yang ta' baik ta' usah-lah ikut. Tetapi Ahli² Yang Berhormat daripada PAS telah mening-galkan Dewan ini, kemudian menyata-kan bahawa Dewan ini tidak demo-krasi; Tuan Yang di-Pertua, tidak demokrasi menolak usul yang di-kemu-kakan oleh mereka kerana kepentingan ra'ayat. Chuba kita fikir dalam² apa-kah PAS menyetujui satu pembe-rontakan? Ini harus di-jawab dengan sendiri? Apa-kah pemberontakan ini berbentok, nasional atau tidak? Tetapi ada satu hal yang harus di-fahamkan oleh Islam, ia-itu apa-kah pemberonta-kan dan pertumpahan darah di-galakkan oleh Islam? Kalau-lah pertumpahan darah di-galakkan dalam Islam, itu-lah yang di-tudoh oleh orang Christian terhadap Islam bahawa per-kembangan Islam di-zaman dahulu ada-lah dengan pedang. Perkembangan Islam bukan dengan pedang, tetapi dengan seruan yang berkesan. Kalau demikian hal-nya kenapa PAS yang mendewa²kan Azahari yang telah me-lahirkan pemberontakan di-Brunei itu dan menganggap mereka itu sa-bagai pahlawan (patriot), yang pengechut pada pendapat kita, sebab mereka meninggalkan ra'ayat dan orang yang di-pimpin-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pemberontak-an sa-chara yang demikian tidak akan memberi keuntungan kepada ra'ayat, tidak akan memberi sa-barang ke-untungan kepada orang yang terlibat dalam-nya. Oleh kerana kita tahu bahawa pemberontakan yang saperti itu akan mengakibatkan beratus tahun ra'ayat akan menderita. Keadaan akan tidak terlalu mudah untok di-pulehi sa-telah pemberontakan itu berlaku. Perkara ini hendak-lah di-sedari benar² oleh Parti Rakyat di-Brunei sa-bagai satu²-nya parti yang halal dahulu-nya yang telah mengikut unsor demokrasi, dan telah menang dalam Pilihan Raya yang telah menguasai negeri Brunei,

Tuan Yang di-Pertua, dan mereka boleh menchorakkan apa sahaja negeri Brunei itu. Kita di-Persekutuan Tanah Melayu di-dalam masa hendak merebut kemerdekaan dahulu, kita memperchayai lebeh banyak chara Perlembagaan itu di-laksanakan yang memberi keuntongan kapada ra'ayat daripada chara pemberontakan, pembunuhan ra'ayat dan pengaliran darah.

Betul pada satu waktu memberikan ilham baharu tetapi tidak semua waktu boleh mendatangkan keuntongan kapada ra'ayat. Parti Rakyat Brunei, Tuan Yang di-Pertua, telah menang di-dalam pilihan raya sa-bagaimana juga Perikatan telah menang pada tahun 1955 di-Persekutuan Tanah Melayu. Manakala kita menguasai Majlis Meshuarat, sama ada negeri atau federal, kita boleh buat apa² yang kita mahu mengikut Perlembagaan; dan mengapa di-Brunei tidak di-lakukan soal itu, kenapa Azahari tidak melakukan sa-suatu mengikut Perlembagaan pada hal dia ada mempunyai kuasa yang mutlak sa-telah menang dalam pilihan raya? Mungkin, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Azahari di-gelar oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara "Tuan Yang Terutama" bukan ra'ayat negeri itu, bukan orang yang mempunyai hak mengikut Perlembagaan dalam negeri itu menjadi Perdana Menteri atau Menteri Besar oleh kerana itu-lah dia tidak masok pilihan raya di-Brunei. Kemudian dia di-angkat menjadi Yang di-Pertua parti itu, kemudian dia tidak mendapat sa-suatu daripadanya, dia takut orang lain menjadi Menteri Besar atau Perdana Menteri maka daripada kawan-nya yang lain di-naikkan menjadi Perdana Menteri di-adakan-lah satu pemberontakan dan dia sendiri melantek diri-nya sa-bagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, alang-kah bachul-nya manusia ini. Alang-kah politikus-nya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, ini-lah yang di-da'awa dan kata-nya, "Kami dengar berita kemenangan ini semua bukan dari Radio Malaya." Ahli Yang Berhormat itu tidak buka section Radio Malaya, dia tidak mahu memusingkan Radio Malaya, dia tidak juga memusingkan

Radio Singapura, barangkali Moscow atau Peking yang selalu-nya memutar keadaan² yang sa-benar yang telah mendapat ilham daripada mereka itu, bahawa pemberontakan di-Brunei itu ada-lah satu pemberontakan yang benar² berlaku.

Bila kita dengar Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berchakap sa-akan² dia mempunyai *document*² tetapi tidak di-terangkan sa-akan² Ahli Yang Berhormat itu atau Persatuan Islam sa-Tanah Melayu berhubung rapat dengan parti Ra'ayat Brunei, mempunyai hubungan yang erat dengan mereka itu apa yang akan berlaku, tetapi ini tidak saya hairankan, Tuan Yang di-Pertua.

Di-waktu saya menjadi Setia Usaha Agong PAS dahulu, saya pernah menerima surat² dari Parti Rakyat Brunei di-tujukan kapada Ketua Agong Parti itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, biar-lah kita ketawa sekarang jangan menangis besok, biar-lah kita memikirkan benar² apa yang berlaku dan sa-akan² mengutok tindakan kita, sehingga Kerajaan Persekutuan mengirim Polis-nya, kata-nya buat apa 150 orang untok menjaga beberapa manusia² yang pro-Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Undang² Polis nombor 14 tahun 1962 telah membenarkan kita menghantar Polis menjaga negeri itu dari segi keselamatan keamanannya, dan melateh beberapa orang anggota² Polis di-sana dalam soal menjaga keselamatan dan Undang² ini di-luluskan pada tahun 1952. Kenapa pada tahun 1959, 1960, 1961 Undang² ini tidak di-bantah oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu? Kenapa-kah tidak di-bantah, kenapa-kah sekarang baharu timbul mengatakan tidak patut kita mengirimkan Polis kita di-sana? Ya. Kalau tidak patut apa-kah patut satu kuasa lain mengirimkan Polis, mengirimkan senjata ka-negeri itu untok membunuh ra'ayat negeri itu sendiri? Kita tahu di-Brunei bukan 100 peratus pemberontakan dan bukan 100 peratus orang yang pro-Malaysia. Sekarang ini keadaan-nya sudah terang bahawa hanya satu jalan sahaja yang boleh menyelamatkan negeri Brunei ia-itu dengan melalui demokrasi. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari

Kuala Trengganu Utara mengatakan perbuatan kita ini satu perbuatan yang jijik dan kotor yang akan di-ketawakan oleh negeri² demokrasi yang lain. Negara demokrasi yang lain yang mana akan ketawakan kita? Negara demokrasi yang mana yang lain akan menggelakkan perbuatan kita ini?

Ya! Tuan Yang di-Pertua, Cuba juga menggelakkan negeri-nya negara demokrasi. Komunis China juga menggelakkan negara-nya negara demokrasi, Russia juga menggelar negara-nya negara demokrasi, apa-kah negara² ini di-kehendaki oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang akan menggelakkan kita, kita tidak hairan. Kalau sa-chara demokrasi kenapa mentertawakan, kita tidak hairan-kan tetapi ingat-lah oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bahawa komunis tidak sahaja menentang demokrasi sa-chara yang ada sekarang tetapi akan meleborkan ideology Islam yang di-punyai oleh orang² yang beragama Islam.

Sa-panjang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, tidak sa-patah pun dia menyebutkan sama ada dia menyokong usul ini atau tidak. Sama ada dia menyokong usul ini, atau menentang, tidak di-sebutkan-nya tetapi kita faham dalam perchakapan-nya bahawa dia menentang. Menentang usul ini, berti tidak memperchayai kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendak meredakan pertumpahan darah di-Brunei. Kita membuat usul ini dan kita menyokong kenyataan Perdana Menteri kerana kita mahu meredakan pemberontakan, kita mahu menyelamatkan ra'ayat di-Brunei, kita mahu menahan penumpahan darah di-Brunei. Kita mahu supaya orang² di-Brunei menentukan nasib-nya sendiri dan kita selalu, bahkan sudah perpuluh² kali di-mana juga Yang Teramat Mulia Perdana Menteri pergi telah menyatakan soal Brunei itu terserah-lah kepada tuan² sendiri, "Tuan² mahu masuk Malaysia atau tidak masuk Malaysia, itu soal tuan² bukan soal kami". Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, begitu terang dan jelas kepada kita bahawa soal Brunei ada-lah soal terbit-nya dan timbul dari negara

itu sendiri dan sekarang pemberontakan telah berlaku di-sana. Oleh kerana kita ini terkait dengan beberapa soal dan terkait dengan persahabatan dan Undang² yang telah di-meterikan oleh Persekutuan Tanah Melayu dan kita pun telah di-minta oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan mengirinkan bantuan ada-lah menjadi hak dan kewajiban kita memberikan bantuan kita bagi menjaga keamanan, bagi menolong orang² ramai daripada teraniaya dengan perbuatan² pemberontakan itu. Dan akan meredakan sa-barang ketegangan yang sedang timbul sekarang ini untuk menahan pengaliran darah lebeh banyak, tetapi ini-lah yang di-bantahkan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli² Yang Berhormat dari Persatuan Islam sa-Tanah Melayu akan membalas keterangan² saya ini dengan lebeh tegas—tetapi dengan lebeh tegas dan jelas akan lebeh jelas-lah pendirian Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dalam masaalah pemberontakan ini. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang ini hendak-lah sedar dan hendak-lah insaf bahawa kita berada di-hadapan pintu yang paling merbahaya, bukan merbahaya kepada negara Malaysia yang akan tumbuh tetapi membahayakan kepada keselamatan jiwa dan harta benda dalam negeri ini yang di-bangkitkan oleh anasir² yang hanya menggunakan nafsu-nya lebeh daripada keselamatan negara dan ra'ayat-nya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara mengatakan pemberontakan itu di-tujukan kepada penjajahan, tidak kepada Sultan kerana Sultan tidak jadi apa². Kalau dia menunjukan kepada penjajah dia sendiri mengatakan bahawa penjajah² itu tidak di-apa²kan juga. Di-hujung perchakapan-nya dia mengatakan banyak orang² yang ditahan tidak di-apa²kan. Kata-nya tadi pemberontak² itu telah menangkap penjajah² di-situ, kemudian tidak di-apa²kan pula. Jadi apa tujuan pemberontak itu saya tidak tahu, hanya Ahli Yang Berhormat dari Persatuan Islam sa-Tanah Melayu sahaja yang tahu. Tujuan yang sa-benar-nya pemberontak untuk Sultan kata-nya tidak

untuk British, di-tangkap British, tidak di-apa²kan-nya, ini satu hal yang ganjil yang patut di-jawab sa-sudah ini supaya kita tahu sendiri yang di-mana pendidikan-nya. Kerajaan Inggeris mesti-lah menyerahkan kemerdekaan kata-nya kepada ra'ayat Brunei. Kedudukan Brunei hendak-lah di-ketahui bahawa patut-lah tanah jajahan Brunei adalah negeri naungan British di-mana orang² British mempunyai hak yang tertentu atas nama penjajahan, dan Sultan mempunyai hak² yang tertentu sa-bagai Ketua Negeri. Beransor² jalan itu telah di-mulakan dan di-adakan pilihan raya, ia-itu untuk menyerahkan sendiri kepada ra'ayat-nya yang hendak berkuasa dalam negeri itu. Tetapi sa-telah ada kemenangan kenapa dia memberontak? Ini soal yang maseh ragu² begitu dan patut kita di-beri faham oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS. Terutama-nya ketua Agong-nya yang rapat dengan Shaikh Azahari. (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara menudoh dengan menyatakan kenyataan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sa-rupa sahaja dengan kenyataan Belanda atas tindakan-nya terhadap Indonesia, ia-itu tindakan Polis, menyatakan dan menyamakan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dengan Penjajah Belanda. Chuba, Tuan Yang di-Pertua fikir, ada-kah itu sa-suatu yang 'adil yang dapat di-terima oleh 'akal—Belanda ada-lah penjajah yang berkulit sa-rupa juga dengan Inggeris, dan kita di-sabuah negeri yang merdeka yang mempunyai kedudukan kita tersendiri oleh Ahli² Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah menyatakan dan menyamakan penjajahan itu dengan Persekutuan ini juga sa-bagai penjajah? Tidak-lah kita hairan oleh PAS mengatakan bahawa kemerdekaan ini kosong kerana memandang bahawa Perdana Menteri ini kata-nya penjajah yang sa-rupa macham Belanda. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kemerdekaan ini kosong tidak bererti, tentu-lah bukan sahaja saya, dan siapa juga Ahli Yang Berhormat tidak akan dapat dudok dalam Dewan ini. Menyatakan dan menyamakan kenyataan Perdana Menteri itu sa-bagai kenyataan Belanda, kalau Belanda, ada-lah satu

tuduhan bodoh oleh PAS—hendak-lah di-fikirkan dalam² dan matang², apakah tuduhan itu mengikut nafsu atau mengikut 'akal yang waras. Ia mengatakan ada-lah tidak terlalu sukar bagi kita untuk menerima keterangan Perdana Menteri bahawa Malaysia yang kita hendak lahirkan itu, satu hal yang tidak dapat di-paksakan sahaja kata-nya: chontoh-nya, kata Ahli yang Berhormat itu 150 polis dihantarkan ka-Brunei; ada-kah dapat di-terima oleh 'akal bahawa memaksakan Sabah, Brunei dan Sarawak dengan menghantarkan 150 orang polis untuk boleh memaksa orang² itu memasuki Malaysia? Ini barangkali Ahli Yang Berhormat itu terlalu bernafsu berchakap. Menghantarkan 150 orang polis itu bukan-lah untuk menindas ra'ayat negeri itu, dan 150 orang polis itu tidak untuk memaksa ra'ayat di-Brunei ini masuk Malaysia, tetapi 150 orang ini ada-lah sa-bagai panduan kita dengan menjaga keamanan negeri ini, sa-rupa juga, Tuan Pengerusi, kita mengirimkan bantuan Polis ka-Congo untuk menjaga keselamatan bukan untuk memaksa Congo itu masuk ka-dalam bahagian Malaysia. Kita telah mengirimkan ka-Congo satu ribu, dua ribu ashkar bukan untuk memaksa Congo itu masuk ka-dalam bahagian Malaysia—tidak; itu ada-lah untuk menjaga keamanan. Barangkali penyata itu terlalu mudah untuk di-fahamkan, kalau tidak mahu di-belitkan untuk menjaga keamanan negeri itu mengikut undang² yang telah diluluskan, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara bukan untuk hendak menyelamatkan ra'ayat Brunei kata-nya, tetapi menyelamatkan penjajahan kata-nya. Ini-lah ilham yang datang pada saya bahawa beliau menudoh menyatakan bahawa pemberontakan itu tidak hanya berlaku di-Brunei, tetapi pemberontak itu juga akan berlaku, kata-nya di-mana² juga bahagian, boleh berlaku di-Singapura, boleh berlaku di-Persekutuan Tanah Melayu, bererti PAS sekarang sudah mempunyai satu plan bagaimana hendak menjadikan keadaan itu bergelora saperti mana keadaan di-Brunei.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): On a point of order 36 (1)

saya tidak fikir PAS mengadakan ranchangan itu.

Mr (Deputy) Speaker: Parti Islam tidak ada bersangkutan dengan apa yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Saya menyebut ini kerana inilah pendirian kami daripada PAS kata-nya, berulang², kerana ini-lah pendirian kami daripada PAS kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, jangan-lah di-fikirkan bahawa pemberontakan itu hanya akan berlaku di-Brunei dan jangan-lah di-fikirkan hanya berlaku di-Sarawak, tetapi besar kemungkinan di-Singapura, dan Persekutuan.

Mr (Deputy) Speaker: Jangan di-ulang²kan lagi perkara itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Sa-bagai satu chabaran yang mesti di-jawab dengan tegas oleh Kerajaan menghadapi sa-barang anchaman bukan sahaja bagi meleburkan demokrasi yang ada dalam negeri ini, tetapi suatu anchaman yang hendak mengalirkan dan menumpahkan darah di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Mengirimkan, kata Ahli Yang Berhormat itu dengan tergesa², bukan-lah hendak mengelegakkan keadaan itu tetapi akan menambahkan ke-benchian orang di-Brunei terhadap orang² yang ada di-Brunei itu, kita mahu bertanya siapa-kah orang yang bertanggung-jawab untuk mengapi²kan ra'ayat, mendengkikan ra'ayat yang bekerja di-Brunei itu, siapa-kah orang-nya yang mengatakan bahawa pegawai² Persekutuan Tanah Melayu yang bekerja di-Brunei itu ada-lah penjajah! Siapa-kah orang-nya yang bertanggung-jawab dalam perkara ini, ada-kah Parti Ra'ayat Brunei yang di-ketua² oleh Sheikh Azahari yang sekarang ini di-agong²kan benar² oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, siapa-kah orang-nya yang memukul sampai jatoh ka-dalam parit pegawai² kita kalau tidak ahli daripada Socialist Front! Kalau tidak dapat di-jaga keselamatan-nya, kami akan terek balek sa-mula pegawai² itu kata Perdana Menteri itu—kalau Pegawai

Melayu Persekutuan. Oleh kerana untok mengelegakkan semangat benchi kapada orang Malaya telah di-tiupkan oleh Sheikh Azahari dan kawan²-nya maka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menarek balek semua pegawai² itu. Tetapi oleh kerana negeri itu berkehendakkan bantuan pegawai dari Persekutuan Tanah Melayu dan menjamin bahawa keselamatan nyawa, harta benda mereka itu dapat di-kawal, maka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membiarkan pegawai²-nya dudok di-Brunei, dan pada masa sekarang ini keadaan pegawai² itu tidak baik. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pegawai²-nya dan kalau perlu besok atau lusa pegawai² kita perlu kembali ka-Tanah Melayu, kalau keadaan di-Brunei tidak dapat menjamin harta dan nyawa mereka itu; tetapi kita memberi penghormatan yang sa-tinggi²-nya kapada pegawai² kita dengan semangat *patriotic* kebangsaan, dengan semangat tanggung-jawab keperwiraan, sanggup berpisah dengan anak isteri dan sanggup bersama² dengan anak isteri-nya bagi memberi tenaga dan khidmat-nya kapada negeri Brunei supaya negara dan negeri Brunei menjadi negeri demokrasi, tidak menjadi satu negara yang di-kuasai oleh pengarah² dari luar (*Tepok*).

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dengan begitu sedap menyatakan yang pemberontak itu sa-bagai pemberontak, tidak-lah 'adil; ta' boleh kita sebut pemberontak itu pemberontak penderhaka! Saya hairan ini, kerana Ketua Parti Islam pernah memberi kursus kapada orang² atau ahli² Parti Islam mengatakan Komunis yang memberontak di-negeri itu jangan di-anggap pemberontak, mereka adalah di-anggap nationalist—gerakan kebangsaan . . .

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): Mr Speaker, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1) which says that a member shall confine his observations to the subject under discussion and may not introduce matters irrelevant thereto. I think the Honourable Member is most irrelevant.

Mr (Deputy) Speaker: Ini berkenaan S.O. 36 (1)—jangan di-kaitkan dengan perkara yang lain, dan tidak ada bukti-nya tentang perkara itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bertanya: Kenapa pemberontak itu tidak boleh di-katakan pemberontak, dan saya sendiri tidak hairan, kalau Persatuan Islam ini tidak mahu mengatakan pemberontakan itu gerakan kebangsaan, sedangkan Komunis di-Malaya di-katakan gerakan kebangsaan—ini ta' hairan. Dan di-katakan Azahari itu kejam, itu tidak adil, tidak bijak mengikut kata Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tidak bijak. Membunuh dan mengalirkan darah orang tidak bijak kata-nya. Bagi kita perbuatan yang telah menghasut ra'ayat dengan menggunakan senapang² patah yang entah dari mana di-terima-nya bagi membunuh orang² di-tengah jalan yang bergelimpangan tidak kejam kata-nya? Ini sa-rupa dengan Komunis yang menggantung orang² di-tengah jalan atau di-atas pokok—tidak kejam, yang kejam kata-nya menghantar 150 orang polis ka-sana. Adil-kah ini?

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi satu hal yang nyata bahawa pemberontakan yang ada di-Brunei sekarang ini, walau pun tidak terlalu banyak kaitan-nya dengan kita dan tentu-lah kita tidak mahu membabitkan di-antara kita dengan mereka, tetapi satu hal yang harus di-ketahui bahawa kita mempunyai dasar ia-itu tidak suka kepada pertumpahan darah, tidak suka kepada sa-suatu yang akan melenyapkan harta dan menjadikan negeri itu dalam keadaan kelam kabut. Kita menyetujui sa-barang gerakan bagi menchapai kemerdekaan dengan sachara aman dan damai. Pendirian Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah pun tegas dan telah pun nyata sabagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan-nya kelmami, dan orang² yang akan memahami-nya ialah orang² yang kasehankan manusia ini dengan kekejaman yang di-lakukan oleh sa-suatu pihak, kerana bagi kepentingan diri dan parti-nya sendiri. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-

Pertua, sa-jauh ini Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terlalu berlemah dan terlalu memperchayai keadaan dan sa-lama Kerajaan kita tidak dapat mengawasi keadaan, tidak dapat mengawasi udara² yang gelap pada masa sekarang ini, maka saya yakin bahawa negara kita ini akan ditimpa oleh satu mala petaka yang bukan sahaja akan terlibat kepada kita bahkan kepada anak chuchu kita dan akan menjadi negara yang tidak aman dan bahagia lagi pada masa akan datang. Oleh kerana saya telah bagitu jauh berchakap dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin sekali lagi menerima walau pun sa-sudah saya berchakap ini, akan berchakap-lah kawan² saya dari Ahli Yang Berhormat dari PAS menghentam saya—saya terima dan saya bersedia menerima di-Dewan ini dan di-luar Dewan ini (*Hear! Hear!*) tetapi apa-kah pendirian Persatuan Islam terhadap champor tangan Partindo dalam soal ini, kenapa-kah tidak di-kutok dalam perkara ini . . .

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, S.O. 36 (1)—tidak ada sangkut-paut dengan Partindo.

Mr (Deputy) Speaker: Ya, saya fikir itu tidak ada kena-mengena dengan Partindo dalam masaalah ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ada menyebutkan Partindo yang telah champor tangan dalam soal ini.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, S.O. 36 (1). Soal itu ia-lah mencheritakan keadaan itu, dan tidak ada statement yang mengaitkan Persatuan Islam sa-Tanah Melayu. Tidak ada ucapan yang mengaitkan perkara itu dan tidak ada satu sebab Persatuan Islam sa-Tanah Melayu terpaksa mengatakan Partindo atau sa-barang parti.

Mr (Deputy) Speaker: Ya, saya fikir tidak ada kena-mengena atau berkait dengan perkara itu!

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua,

keadaan sudah begitu meruncing sehingga kita di-tudoh sa-rupa dengan Belanda, walau pun kita tidak ada sangkut-paut dengan Belanda. Apa ada sangkut-paut kita dengan Belanda disamakan—yang di-hantar 150 orang polis itu sa-rupa dengan

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: On a point of order, saya suka supaya Tuan Yang di-Pertua memberi ruling. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu maseh juga dia berchakap.

Mr (Deputy) Speaker: Saya fikir berhenti-lah perkara itu—ta' usah sebutkan lagi!

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya hormati ruling, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sa-bagaimana Yang Berhormat dari Ipoh telah mengatakan "kami berani memberi dan berani menerima." Kalau berani menudoh orang saperti tokoh Belanda—kami tidak minta pendirian tuan tentang Partindo yang telah menyertai pemberontakan di-Brunei itu. Kami mahu pertanggungjawabkan. Tuan Yang di-Pertua, chukup-lah begitu. Tuan Yang di-Pertua, bukan saya

Enche' Chin See Yin: (Rises).

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Saya belum habis lagi (*Ketawa*). Saya belum duduk lagi, Tuan Yang di-Pertua, banyak modal lagi . . .

Mr (Deputy) Speaker: Tolong pendekkan ucapan tuan itu.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam keterangan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri telah menyatakan kita telah menerima "laporan sulit" yang menyatakan bahawa pada 5hb September, Parti Rakyat akan membawa satu usul bagi menentang penubuhan Malaysia, dan jika usul itu kalah, mereka akan mulakan pemberontakan. Rahsia ini telah di-ketahui oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Malang-nya usul itu tidak jadi di-kemukakan, tetapi pemberontakan telah berlaku. Ma'lumat itu juga kata Yang Berhormat Perdana Menteri telah di-beritahukan kepada pihak British, dan saya telah memberitahu kepada mereka ia-itu saya akan menarek balek

semua orang Melayu yang bekerja di-Brunei, kechuali pihak British dan Kerajaan Brunei dapat menjamin keselamatan mereka. Lord Selkirk telah pergi ka-Brunei pada 6 haribulan dan mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan. Duli Yang Maha Mulia Sultan telah bertitah bahawa keadaan di-Brunei tidak-lah meruncingkan. Semua-nya baik. Tetapi sa-rentak dengan itu kita telah dapat tahu berkenaan dengan timbul-nya pemberontakan. Ini-lah dasar lunak yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terhadap pegawai² Malaya yang ada di-Brunei, dan telah menyatakan bahawa pegawai² kita itu akan terancham sa-kira-nya keadaan itu tidak dapat di-atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan perchaya sa-bagaimana yang telah dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan di-dalam ucapan Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ini mengatakan Baginda telah mensifatkan mereka sa-bagai penderhaka. Sa-rentak dengan itu Kerajaan telah mengistiharkan keadaan dharurat di-dalam negeri Brunei, dan pemberontakan itu akan di-hukum dengan berat menurut undang² Public Order.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Sultan yang di-katakan oleh Azahari telah dapat di-tawan dan di-dalam genggamannya pemberontakan itu—Alhamdulillah! sekarang ini selamat di-jaga dan di-kawal oleh anggota² polis dan penjaga keselamatan. Dan apa yang nampak bagi kita sekarang ini bahawa pemberontakan Azahari terhadap apa yang kita namakan satu jalan yang halal bagi mencapai kemerdekaan itu pada satu masa akan datang, kita yakin dan perchaya bahawa pemberontakan itu tidak akan memberi keuntungan kepada-nya, sa-lain daripada tangisan ibu yang kehilangan anak dan perajurit² yang mereka katakan perajurit itu. Sa-kianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua (*Tepok*).

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya ingin menegaskan bahawa kami dari Front Socialist Rakyat Malaya tidak dapat menyertai usul ini, malah membantah-nya dengan sa-keras²-nya. Kami membantah usul yang

di-kemukakan pada pagi ini, kerana di-dalam ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri sa-malam sa-bahagian besar mengandongi tuduhan² dan tohmah² terhadap kami yang sa-kali pun sudah di-tarek balek di-sini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tuduhan² dan tohmah² itu di-bachakan melalui Radio Malaya malam tadi di-dengar oleh seluruh ra'ayat dalam negeri ini, dan sekarang baharu di-tarek balek. Tuan Yang di-Pertua, kami dari Front Socialist Rakyat Malaya ingin menegaskan bahawa kami di-dalam soal perjuangan ra'ayat di-mana juga yang menentang penjajah, pada kami tidak ada tolak ansor. Kami memberi sokongan 100 peratus kepada sa-tiap perjuangan ra'ayat yang hendak menghapuskan penjajah di-mana juga di-atas muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di-Brunei menurut berita yang telah di-siarkan dalam surat² khabar meski pun berita itu berita yang sudah di-tapis dengan tegas menyatakan bahawa pemberontakan di-Brunei itu bukan di-tujukan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, tetapi terhadap penjajah Inggeris yang ingin mengkongkong ra'ayat negeri itu terus-menerus. Dan di-dalam sikap pemberontak hendak menghapus penjajah itu, kami daripada Front Socialist Rakyat Malaya dengan tegas mengatakan bahawa kami menyokong sa-tiap perjuangan yang hendak menghapuskan penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam masa mengemukakan usul ini menimbulkan satu soal sa-olah² hendak mengelirukan keadaan yang sa-benar-nya di-Brunei, dan ini di-tambah pula oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah, ia-itu kedua² Yang Berhormat mengatakan bahawa dalam Pilehan Raya yang telah lalu Parti Rakyat Brunei memenangi semua sa-kali kerusi yang di-pertandingan, sa-bagaimana Parti Perikatan dahulu menang semua sa-kali kerusi dan parti Perikatan terus memperjuangkan kemerdekaan-nya dengan chara Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukachita sa-kali kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat

dari Tanah Merah sebab tidak mengetahui kedudukan dan keadaan yang sa-benar-nya dalam Perlembagaan Brunei. Tuan Yang di-Pertua, menurut Perlembagaan Brunei bahawa Ahli Majlis Meshuarat Brunei itu ia-lah 33 orang. Ahli yang di-pilih melalui Pilehan Raya ia-lah 16 orang. 17 orang di-tunjok. Dengan lain² perkataan, Tuan Yang di-Pertua, orang yang menang dalam Pilehan Raya di-Brunei menjadi pehak Pembangkang, tetapi orang yang mewakili diri, isteri dan anak-nya menjadi pemerintah. Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, satu Perlembagaan yang demikian itu akan dapat di-terima oleh ra'ayat—ra'ayat yang sa-kian lama di-jajah, yang sa-kian lama di-tindas, ra'ayat yang sa-kian lama tidak sanggup lagi di-tindas oleh penjajah itu?

Tuan Yang di-Pertua, salah kalau kita mengatakan bahawa menurut Perlembagaan Brunei sekarang parti yang memerintah itu mempunyai meajority dan parti yang menang dalam pilehan raya bukan menjadi meajority tetapi dia hanya minority. Bagaimana-kah sa-buah parti memenangi semua kerusi dudok hanya sa-bagai puak Pembangkang? Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Perdana Menteri telah di-sebutkan bahawa Parti Ra'ayat Brunei yang telah menang di-sana telah mengemukakan usul menentang penubuhan Malaysia. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah barangkali dengan tidak membacha dahulu ucapan ini, usul itu telah di-tarek balek. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membacha surat khabar sa-hari chukup bahawa usul itu tidak di-tarek balek tetapi Majlis Meshuarat negeri Brunei di-tanggohkan pada 19 haribulan December. Dan ada berita, Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa penanggoahan itu di-lakukan supaya usul itu tidak dapat di-binchangkan dengan desakan penjajahan Inggeris bukan dengan kemahuan parti yang menang ber-banyak kerusi dalam pilehan raya di-Brunei itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah mudah sa-kali dan ada-lah senang sa-kali kita mengatakan bahawa perjuangan menentang penjajahan itu

ada-lah satu perjuangan kejam, ada-lah satu perjuangan yang tidak baik, ada-lah perjuangan yang tidak adil. Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat harus kita sedari bahawa Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini berbedza dengan keadaan di-Brunei. Brunei sekarang ini maseh terjajah dan ada orang mengatakan Brunei bukan tanah jajahan, Brunei hanya sa-buah negeri naungan. Tuan Yang di-Pertua, hakikat yang demikian pernah dialami oleh Persekutuan Tanah Melayu di-dalam 4 buah negeri Melayu, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dahulu merupakan negeri naungan Inggeris. Kalau ini bukan penjajahan nama-nya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa di-adakan perjuangan kemerdekaan, kenapa istiharkan kemerdekaan dahulu, kenapa Inggeris sanggup memberi kemerdekaan kepada negeri ini. Itu menunjokkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-buah negeri di-bawah naungan bukan sa-buah negara yang merdeka.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi menegaskan atau menyatakan bahawa Inggeris maseh menguasai pertahanan, maseh menguasai dasar luar negeri Brunei dan saya ingin menambahkan sa-hingga pada masa ini maseh menguasai Immigration di-Brunei, kerana ini Inggeris menentukan berapa lama sa-saorang itu boleh tinggal di-Brunei. Sekarang sa-orang itu tidak boleh tinggal lebeh dari 4 atau 5 hari atau pun 48 jam di-Brunei, bukan-kah itu penjajahan? Sampai berapa peratus-kah kemerdekaan Brunei itu? Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak penoh-nya kemerdekaan ini-lah Inggeris maseh menguasai ra'ayat Brunei, dan ra'ayat yang di-kuasai oleh Inggeris ini sa-bagai nationalist bukan sa-bagai komunis menentang penjajahan Inggeris itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, di-katakan bahawa perjuangan ra'ayat Brunei dengan menggunakan alat senjata ini kejam tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri kita sendiri sa-waktu negeri ini di-jajah oleh Jepun dahulu menggerakkan gerakan Wata-

niah, menentang penjajahan Jepun, menggunakan kekuatan senjata untuk menghapuskan penjajahan Jepun. Kalau ini kita halalkan kenapa-kah sekarang di-haramkan, kenapa-kah kita kutok perjuangan ra'ayat Brunei untuk menghapuskan penjajahan Inggeris sa-bagai Timbalan Perdana Menteri kita dahulu menghapuskan penjajahan Jepun. Tuan Yang di-Pertua, kapada kami, apa yang berlaku di-Brunei itu ada-lah merupakan soal ra'ayat Brunei dengan penjajahan yang menjajah-nya. Ra'ayat Brunei tidak mengistiharkan perang terhadap Persekutuan Tanah Melayu. Ra'ayat Brunei tidak mengistiharkan perang terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan. Ra'ayat Brunei mengumumkan satu pemerentahan Beraja dan bukan pemerentahan revolusi. Dengan lain² perkataan, Tuan Yang di-Pertua, soal Brunei ada-lah soal dalam negeri itu sendiri dan kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kami Front Socialist Ra'ayat Malaya menyesali sunggoh² sikap yang di-ambil oleh Kerajaan kita ini untuk menghantarkan bagi kali yang pertama-nya Polis Hutan konon-nya untuk menjaga keamanan di-sana. Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya bahawa Polis Hutan pergi ka-sana tidak-lah memakai kot dan tai macham saya pakai ini, mereka pergi ka-sana memakai uniform sa-bagai sa-orang askar—sa-bagai Polis. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah di-perentahkan kapada Polis Hutan kita itu bahawa pemergian kamu semua di-sana itu ia-lah untuk menjaga keamanan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam sa'at pergolakan saperti sekarang ini bagaimana ra'ayat yang memberontak itu dapat membezakan antara menjaga keamanan dengan menentang mereka? Kalau ra'ayat yang memberontak menembak mereka itu apa-kah yang akan di-jalankan oleh anggota Polis kita ini? Tertawa sahaja? Dengan lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, akan sampai kita pada satu masa berlakunya pertumpahan darah di-kedua² belah pehak dan ini tentu-lah kita kesalkan.

Tuan Yang di-Pertua, bila berlaku sahaja pemberontakan di-Brunei ini maka Kerajaan Inggeris baharu² ini

bukan menghantar pasokan tentera Inggeris tetapi tentera² Gurkha kemudian baharu tentera Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita akan menghantarkan pula Polis Hutan dari ra'ayat kita sendiri. Kapada kami, Tuan Yang di-Pertua, ini hanya satu sahaja ma'ana-nya, tentera Gurkha dan Inggeris di-Brunei sana ia-lah untuk membunuh ra'ayat Brunei yang memperjuangkan kemerdekaan. Ra'ayat Brunei ada-lah merupakan sa-darah sa-daging dengan kita. 150 orang Polis Hutan yang di-hantarkan ka-sana itu tidak lain dan tidak bukan ia-lah untuk bantuan kapada penjajah Inggeris bersama² dengan tentera Gurkha dan tentera Inggeris untuk membunuh saudara mara kita sendiri. Kami dari Front Socialist Ra'ayat Malaya menentang sa-tiap usaha Kerajaan negeri ini menggunakan ra'ayat kita sendiri membunuh saudara mara kita sendiri. Mereka itu pergi ka-sana untuk membunuh saudara kita sendiri di-Brunei yang memperjuangkan kemerdekaan, Tuan Yang di-Pertua. Sikap menghantar Polis Hutan ini mungkin akan membahayakan lagi keadaan di-sana dan kami menentang dengan sa-kuat²-nya. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri tadi membawakan usul-nya itu telah menimbulkan soal bahawa Sheikh Azahari bukan ra'ayat Brunei. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu di-mana Timbalan Perdana Menteri ini dapat information. Dan kalau keterangan ini di-dapat-nya daripada kawan²-nya saya rasa keterangan itu ada-lah satu keterangan yang salah.

Sebab, Tuan Pengerusi, Sheikh Azahari pernah di-tunjuk oleh Sultan Brunei menjadi Ahli Majlis Mesuarat negeri Brunei sa-belum ada-nya Pilihan Raya, kalau Sheikh Azahari bukan sa-orang ra'ayat Brunei, bagaimana dia di-tunjok oleh Sultan menjadi Anggota Majlis Mesuarat negeri Brunei. Suatu lagi, Tuan Pengerusi, di-dalam Pilihan Raya di-Brunei, pada waktu itu saya ada pergi ka-Brunei dan saya telah lihat bahawa di-dalam daftar pengundi di-Brunei itu, nama Tuan Sheikh Azahari ada. Kalau nama-nya ada di-dalam daftar

pengundi di-Brunei itu, keterangan dari mana-kah untuk Timbalan Perdana Menteri kita mengatakan Tuan Sheikh Azahari itu bukan ra'ayat Brunei.

Tidak-kah ini bermaksud dan bertujuan hendak mengelabui mata ra'ayat negeri ini seluruh-nya dan mata ra'ayat di-seluruh dunia bahawa pemberontakan di-negeri Brunei itu datang-nya dari orang luar atau orang² asing. Tetapi, Tuan Pengerusi, Pegawai² Inggeris di-Sabah mengatakan bahawa perjuangan ini ada-lah perjuangan yang bukan Communist dan ia-lah perjuangan ra'ayat Brunei itu sendiri. Berita² surat khabar telah menyatakan dengan tegas-nya bahawa pemberontak² di-Brunei itu ada-lah ra'ayat Melayu di-Brunei itu sendiri. Namun, Tuan Pengerusi, sa-belum kita mengetahui keadaan yang sa-benar-nya kita mahu mengelirukan berdasarkan kenyataan² yang kita terima dari orang² yang kita sangkakan kawan, tetapi sa-benar lawan yang tersembunyi dalam selimut kita sendiri.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Persekutuan berulang² kali mengatakan kapada kita bahawa tujuan Malaysia itu konon-nya ada-lah kerana hendak memerdekakan Sabah, Brunei dan Sarawak. Tuan Pengerusi, kalau tujuan kita hendak memerdekakan negeri² itu maka amat-lah tidak logic, tidak 'adil kalau perjuangan ra'ayat yang hendak mencapai kemerdekaan itu kita tentang dengan menggunakan Angkatan Polis kita. Tuan Pengerusi, kita harus insafi bahawa kemerdekaan yang harus kita chapai mesti-lah kemerdekaan yang sa-ratus peratus. Merdeka-nya Sabah, Brunei dan Sarawak terus menerus dengan kerjasama Inggeris tentu-lah tidak mementingkan satu kemerdekaan yang sa-ratus peratus. Sebab itu, Tuan Pengerusi, kalau ra'ayat Brunei sendiri boleh menggerakkan satu perjuangan yang hendak mencapai kemerdekaan sa-ratus peratus, kita di-Persekutuan ini, yang merupakan saudara sa-darah dengan saudara² di-Brunei itu, bukan sa-patut-nya menentang perjuangan mereka itu, tetapi memberi sokongan dengan sa-penoh-nya. Tuan Pengerusi, di-dalam perjuangan, kita bergantonglah kapada keadaan². Jangan-lah kita

bagitu lekas mengatakan bahawa sa-tiap ra'ayat yang memilih jalan bukan Constitution itu tidak betul, sebab, Tuan Pengerusi, menghadapi satu pemerintah Fasis yang terus menerus menekan ra'ayat sa-hingga ra'ayat tidak dapat bergerak dengan chara Constitutional, sa-tiap gerakan yang di-ikut maka tentu-lah terserah kepada ra'ayat itu sendiri untuk memilih jalan mana yang mereka hendak lalu, bukan jalan itu tidak betul, dan jalan ini tidak betul, sebab, Tuan Pengerusi, kalau orang memilih jalan mengampu mengangkat penjajahan, kemerdekaan-nya tidak sempurna, kalau itu boleh kita benarkan kenapa harus kita kutuk perjuangan orang² tidak mahu mengampu perjuangan penjajahan itu?

Tuan Pengerusi, kami daripada Front Socialist menyatakan kesal sekali kerana dalam kenyataan Perdana Menteri sa-malam itu bukan sahaja mengandungi keterangan² yang menerangkan kedudukan yang sa-benarnya, tetapi sampai memberikan sikap yang membabitkan jiran tetangga kita negara Indonesia. Tuan Pengerusi, terhadap kejadian di-Brunei itu kalau Parti² di-Indonesia menyatakan sikap-nya apa-kah kita hendak katakan sikap Parti² itu merupakan sikap Kerajaan Indonesia itu sendiri. Sebelum kita mengetahui keadaan kedudukan yang sa-benar-nya kita lekas sa-kali menchachi jiran² tetangga kita, ini membuktikan bahawa kita ini terlalu takut kepada bayang² kita sendiri.

Tuan Pengerusi, memang sudah sa-wajar-nya sa-tiap kejadian yang berlaku dalam dunia ini apa lagi sa-tiap kejadian di-sa-keliling kita ini dapat perhatian dari kita. Kalau Parti² Indonesia di-perhatikan apa yang terjadi di-Brunei itu sa-bagaimana juga Filipina memberikan perhatian apa yang terjadi di-Brunei itu amat kita kesalkan, Tuan Pengerusi, bahawa didalam ucapan Perdana Menteri itu dia terang² menyalahkan Indonesia, tetapi maseh, Tuan Pengerusi memujok Filipina. Tuan Pengerusi, kalau kita mengikut apa yang tersiar di-dalam surat khabar bahawa walau pun bukan Kerajaan Filipina sa-chara rasmi, tokoh² di-Filipina memberikan

sokongan-nya kepada pemberontakan ra'ayat Brunei itu.

Mithal-nya, Tuan Pengerusi, dalam surat khabar ini kalau tidak silap, ada satu berita yang mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat Filipina mengatakan, bahawa dia menyokong perjuangan ra'ayat di-Brunei dalam menentang penjajahan Inggeris di-sana.

Tuan Yang di-Pertua, sa-patah pun kita tidak mendengar sikap Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada sikap yang di-beri oleh Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat Filipina itu. Saya tidak tahu dengan maksud apa, mungkin dengan maksud hendak mengekalkan ASA, atau mungkin dengan maksud untuk memujok Filipina supaya jangan menghanchorkan ASA ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini ia-itu dalam soal menentang penjajahan di-mana² juga maka seluroh ra'ayat Asia, seluroh ra'ayat di-dunia ini yang menentang penjajahan ta' dapat di-aboï mata, seluroh ra'ayat yang menentang penjajahan di-muka dunia ini dalam menghadapi soal menentang penjajahan ini, mereka mesti bersatu sama ada ASA atau tidak, kerana, Tuan Yang di-Pertua, dengan hapus-nya penjajahan dari muka bumi ini sahaja-lah, kemerdekaan sa-sabuah negara itu, kebebasan ra'ayat di-negeri jajahan itu akan dapat terjamin dengan sunggoh². Dengan yang demikian, sa-kali lagi saya menegaskan bahawa kami Front Socialist Ra'ayat Malaya tidak dapat menyertai usul yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri ini.

The Minister of Internal Security and Minister of the Interior (Dato' Dr Ismail): Mr Speaker, Sir, in countries where parliamentary democracy is really observed in its true spirit and not only in its letter, the Opposition is called the loyal Opposition. By that it is meant that the Opposition is part of the machinery of legislature of the Government. It does not mean that the Opposition must agree with what the Government does. But the Opposition has definitely a role to play. In this House from the experience we have

had, I charge that the Opposition in this House be called perverse Opposition (*Applause*). I charge the Opposition for being perverse, and the degree of this perversity varies according to the political colour. The Opposition has slandered the Standing Orders passed by this House. The Opposition instead of trying to practise true democracy, is trying to pervert that very democracy to suit their own ends. It is lucky that they live in a democratic country, because in democracy the latitude to which a citizen can go is pretty far, but if they go beyond that latitude, they must suffer the consequences of the law. (*Applause*). The Opposition in this House is keen only to listen to their own speeches. They have not got the decency of the Opposition in all other Parliaments to listen to the views of those who are not in agreement with them. I charge the Opposition of paying lip-service to democracy in spite of their very protestations in this House that they are practising democracy. They are trying to pervert this democracy to suit their own ends.

Enche' K. Karam Singh (Damansara): Mr Speaker, Sir, on a point of order—S.O. 36 (6). No Member shall impute improper motive to any other Member

HONOURABLE MEMBERS: It is not an improper motive!

Enche' K. Karam Singh: I submit, Mr Speaker, Sir, that the Minister is imputing improper motives to the Opposition.

Mr (Deputy) Speaker: It is not an improper motive. Please proceed.

Dato' Dr Ismail: Sir, I charge them—and I do not attribute—for not practising democracy, and their very action in this House testifies that they are not obeying parliamentary democracy.

Wan Mustapha bin Haji Ali: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification.

Dato' Dr Ismail: I won't give way, and it is impossible for him to clarify. However, the Honourable Member will have a chance to speak at a later stage.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): On a point of order, Mr Speaker, Sir. Do you hold

HONOURABLE MEMBERS: What order?

Enche' Lim Kean Siew: Mr Speaker, Sir, I thought there was only one Speaker in this House. If they want to practise democracy, they should let the other speakers to speak. Sir, I thought that the question before the House is the attitude adopted by the Malayan Government and not the motives and the behaviour of the Opposition Members. Therefore, I rise under S.O. 36 (1) to ask whether this matter is relevant. Otherwise we will be going to debate in full as to who, in fact, is democratic—whether the Minister of the Interior is democratic, or whether or not he is trying to abuse his powers as the Minister of the Interior; or whether or not he is trying to abuse his powers since he has a majority in this House and whether or not, in fact, the Government is practising democracy. They are trying to bully us. Is this relevant?

Mr (Deputy) Speaker: I think it is quite relevant.

Dato' Dr Ismail: Sir, if the Honourable Member for Dato Kramat had been in this House, he would have listened to the Member for Ipoh bringing this very subject to which I am now replying.

Enche' Lim Kean Siew: Sir, on a point of order.

AN HONOURABLE MEMBER: What order?

Enche' Lim Kean Siew: S.O. 36. What the Member for Ipoh has said or has not said, should not be attributed to other speakers in this House. Surely that is irrelevant.

Dato' Dr Ismail: Sir, this is another example of attempts by Members of the Opposition, at least in this case the Member for Dato Kramat, of trying to pervert parliamentary practice in this country by trying to stop a Member in this House from giving his opinion according to our Standing Orders. (*Applause*).

Sir, having dealt with that particular aspect of my charges to the members of the Opposition, I will now come to the very important subject about which we are discussing now. Some members of the Opposition, I think with the exception of the P.P.P., have issued statements supporting the armed rebellion in Brunei. Sir, there are many ways of supporting an armed rebellion. You can do it by material support, you can do it by moral support, and you can do it by psychological support. In this modern world, Sir, all these are of equal importance. I charge the members of the Opposition who are concerned that they are giving these supports to the rebellion in Brunei—active support. The Opposition has tried to establish that this rebellion is against the United Kingdom Government. We the Government has made it clear that this armed rebellion is against the Sultan. The people of this country can judge that this rebellion is against the Sultan. No amount of red herring can lead the people of this country from believing that this rebellion is not against the Sultan of Brunei. The Sultan of Brunei himself has disclaimed that he has anything to do with the rebellion.

Ahli² PAS berani mengatakan yang pemberontakan ini ia-lah bukan kepada Sultan. Saya tahu kenapa mereka berkata begitu—saya tahu dan Tuan Speaker pun tahu juga (*Ketawa*), tetapi tidak boleh di-elakkan yang pemberontakan ini ia-lah pemberontakan kepada Sultan Brunei.

The Member for Setapak has given us a dissertation on when an armed rebellion is justifiable. He has tried to apply those very principles to what is happening in Brunei. Is it true that the people in Brunei are not allowed expression of their opinion? If so, can the Honourable Member for Setapak deny that there has been elections in Brunei at which Party Ra'ayat has won 16 seats?

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, untok penerangan. Saya tidak menafikan ada-nya Pilihan Raya di-Brunei itu, tetapi Pilihan Raya di-Brunei yang di-tuntut

supaya di-adakan 100 peratus itu tidak di-beri—di-beri 16 sahaja.

Dato' Dr Ismail: Ya, Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Setapak tidak menafikan yang kebebasan bersuara ada di-beri kepada ra'ayat Brunei. Perkara penoh itu soal lain. Tetapi dia mengatakan, tidak ada.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah membuka tembelangnya pagi ini bila dia menyebutkan nama Azahari itu Tuan Yang Terutama Tuan Sheikh Azahari—saya tidak panggil tuan pun chuma Azahari. Apa ma'ana Tuan Yang Terutama itu? Tuan Yang Terutama itu ia-lah di-beri kepada President atau kepada Ambasadador yang mewakili Sultan atau President. Jadi saya chabar PAS, ia-itu mereka ini mengaku yang pemberontakan ini ia-lah kepada Sultan Brunei, bukan kepada Kerajaan Inggeris. Kalau tidak, kenapa ahli PAS ia-itu Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara yang bertanggung-jawab mengatakan Tuan Yang Terutama Sheikh Azahari.

Tuan Speaker, ahli² pehak Pembangkang telah menegor dengan keras-nya atas tindakan Kerajaan menghantar polis kita ka-Brunei. Sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita menghantar polis itu ia-lah mengikut Undang² yang telah di-beri kepada Kerajaan sekarang ini. Ada-kah pehak Pembangkang tidak hendak mengakui demokrasi dan tidak mengakui Undang² yang ada dalam negeri ini? Ada-kah Kerajaan membuat salah bila membuat satu perkara yang mengikut Undang² dalam negeri ini?

For the benefit of the Member for Ipoh I will give him a translation now. The Government has been charged with sending Police to Brunei and I say, as the Deputy Prime Minister has said, that we have done so in accordance with the law of this country. Is the Opposition trying to say that the Government is acting unlawfully in this case? If so, I say that we act in accordance with the law of this country.

Tetapi bagi Kerajaan Perikatan memandang pemberontakan di-Brunei itu

dengan chara yang luas. Satu daripada perkara yang kita pandang itu ia-lah chara kemanusiaan. Kita pandang sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sa-bagaimana dengan kehendak Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei berkehendakkan pegawai² polis kita supaya menolong mereka itu mendidek orang Brunei, kerana bagi Sultan Brunei tidak redha ra'ayat-nya di-lateh oleh pegawai penjajah. Jadi dengan permintaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei kita menghantar orang kita, dan orang kita di-sana tidak-lah ramai; bagi anggota polis chuma ada 60 orang sahaja.

Apabila "Armed Rebellion" terjadi, maka menjadi satu kewajipan bagi kita menghantar anggota polis mengikut "Law" negeri ini supaya menolong orang di-sana dan menjaga keamanan dalam negeri itu sa-bagaimana yang di-tugaskan kepada kita.

Yang Berhormat dari Setapak menyindir ia-itu anggota polis itu bukan anggota polis yang sa-betul-nya. Yang Berhormat dari Setapak itu tentu tahu sa-bagai Ahli Yang Berhormat dalam negeri ini, ia-itu di-dalam Police Ordinance mengatakan "Police Field Force", bukan tentera Tanah Melayu. Kalau tentera, Yang Berhormat itu boleh bawa perkara itu di-bahathkan dalam Dewan ini. Tetapi, oleh sebab Yang Berhormat dari Setapak tidak menafikan keterangan saya ini berm'ana dia mengaku² yang Polis Field Force itu ia-lah daripada anggota polis, bukan anggota tentera.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa polis hutan itu bukan polis, tetapi saya kata polis hutan itu tidak pakai macham saya ini, mereka tentu pakai uniform—uniform itu tentu macham pakaian tentera juga, dan tujuan-nya military juga.

Dato' Dr Ismail: Terima kaseh. Saya fikir beliau itu sa-bagai Ahli Yang Berhormat tentu tahu beza uniform polis dengan uniform tentera. Nampak-nya beliau itu berpendapat ia-itu uniform polis sama dengan uniform tentera. Jadi, menjadi satu kewajipan kepada saya membawa chontoh semua

uniform yang di-pakai oleh pasokan keselamatan dalam negeri ini untuk di-tunjokkan kepada ahli² Opposition.

Enche' Ahmad Boestamam: Saya ingin meminta keterangan, ada-kah Polis yang pergi di-sana itu di-ajar macham mana hendak menjaga jalan atau macham mana hendak berjuang dalam hutan?

Dato' Dr Ismail: Yang Berhormat tidak hendak menafikan anggota Polis ini, walau pun dia pergi dalam hutan atau menangkap Yang Berhormat, dia pun boleh juga (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dia ini ada-lah dikenali dalam pilehan raya sa-bagai Panglima Jahat. Daripada ucapan-nya hari ini, saya boleh-lah menterjemahkan-nya ia-itu dia itu Panglima Indonesia. Kerana, apa² yang di-ucapkan-nya ada-lah semata² apa yang di-buat oleh Kerajaan Indonesia. Dia berkata yang pemberontakan ini; saya ulang sa-kali lagi bukan memerontak kepada Sultan Brunei tetapi ia-lah kepada Kerajaan British. Tetapi yang pelek kepada saya yang bodoh ini, kenapa-kah pemberontakan itu berlaku bila Malaysia hendak di-jadikan, kenapa-kah pemberontakan ini tidak berlaku dahulu, kenapa bila masa hendak di-tubuhkan Malaysia pada hari ini pemberontakan itu berlaku. Kita tahu siapa yang tidak sukakan Malaysia ini, Indonesia tidak sukakan Malaysia itu yang kita tahu. Jadi dengan sebab itu kita boleh fahamkan siapa-kah Ahli Yang Berhormat itu menyokong dalam Dewan ini.

The Honourable Member for Ipoh says that the Government, instead of applauding the banning of the Socialist Front and other political parties—not his—from entering Brunei should instead be ashamed of it, because he says that means that it is a reflection on the Government in that they are undesirables in this country. Sir, I am proud to say that I consider the present Opposition undesirable, but because we believe in democracy, we have to tolerate them in this House.

Enche' Lim Kean Siew: Sir, will the Honourable the Minister of the Interior

therefore guarantee that he will ask the British Government to allow us, Members of Parliament, to go into Sarawak as Members of Parliament in the Opposition?

Dato' Dr Ismail: We are equals in this House. Why should I go and act on his behalf? Why should I do so for one whom I consider as undesirable, as far as my Party is concerned? Let him ask permission for himself. I will not do the dirty work for him. *(Laughter)*.

Enche' Lim Kean Siew: Mr Chairman, Sir, on a point of information. I am asking the Government as the Government to seek redress from the British Government, which is a Colonial Government, to allow us, who are elected Members of this House, to visit Sarawak and Brunei. I am not asking the Alliance. I have no need for the assistance of the Alliance as such. I too can treat them with contempt, but that is another matter.

Dato' Dr Ismail: As a Minister of a responsible Government, Sir, I must say that the Opposition should send in its request in a formal manner and it will be given due consideration. *(Laughter)*.

Enche' Lim Kean Siew: Thank you.

Dato' Dr Ismail: Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengejek Kerajaan ini dengan mengatakan bahawa Kerajaan ini dapat berita dia daripada penjajah. Saya suka hendak bertanya ada-kah Ahli Yang Berhormat itu pernah mendapat ma'lumat daripada Indonesia atau tidak?

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, soal-nya, kita menghadapi soal tentang Azahari. Mustahillah Indonesia itu boleh memberikan penerangan Azahari kepada saya. Tidak ada sangkut-menyangkut-nya Indonesia menyampaikan berita itu kepada saya. Ini soal Azahari sendiri tidak ada masalah pula Indonesia memberi keterangan kepada saya.

Dato' Dr Ismail: Sir, the learned Member for Ipoh has said that the Prime Minister has made contradictory statements. The Honourable the Prime Minister is a lawyer, but as far as I

know he has given up law for a long time. So I do not think he can still remember the tricks that he used to learn when he was trained to be a lawyer. *(Laughter)*.

Wan Mustapha bin Haji Ali: On a point of order, Sir. I think this is insulting language. *(Laughter)*.

Mr (Deputy) Speaker: I do not think so. *(Laughter)*. Proceed.

Dato' Dr Ismail: Now, Sir, the Honourable Member for Ipoh said that the Prime Minister has said that the rebellion has nothing to do with Malaysia, and then he goes on to say that if the rebellion—I am prepared to sit down for him to correct me if I am wrong—has nothing to do with Malaysia, why has the Prime Minister not given the people in Brunei a free choice? Am I correct? I am asking the Honourable Member through you, Mr Speaker, Sir.

Enche' D. R. Seenivasagam: On a point of clarification—What I said was that in the Honourable the Prime Minister's address yesterday and in statements to the press—in one breath—he had said that this rebellion had nothing to do with the question of Malaysia. But yesterday in his address he said that people who were jealous of Malaysia had engineered this rebellion, and that appeared to me to be definitely contradictory—once he says that it had nothing to do with Malaysia, and then he says it was engineered because of Malaysia.

Dato' Dr Ismail: I think I can try to explain to the learned Honourable Member that there was no contradiction at all in the Prime Minister's statement that it had nothing to do with Malaysia. But, as I have said just now, I do not believe that it is a coincident that this rebellion in Brunei should have taken place at a time when we are trying to form Malaysia. So, to that extent, indirectly—indirectly—this rebellion in Brunei is hitting at Malaysia.

Sir, talking about the rebellion, I say and I charge that the Opposition is supporting a revolt led by a coward. Now, I am prepared to substantiate my statement. I say "led by a coward,"

because much as I dislike rebellions, I admire a rebellion if it is led by its leader. But in this case the leader who instigated this rebellion left his followers, so that he can live in safety in the Philippines. Now, what sort of leader this man Azahari is—atau pun dengan perkataan yang di-gunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, Tuan Yang Terutama Sheikh Azahari? (*Laughter*). I, Sir, think there is much virtue in the Government sending the Police to Brunei, more virtue in the Government sending the Police to Brunei than the support that those Opposition parties give to the rebellion in Brunei. I say so because our intention, as I have said, is to give succour to our men there to maintain law and order. But the Opposition parties, by their way pronouncements, are giving moral and psychological support to the rebellion there.

Ahli² Yang Berhormat dari parti PAS yang menjadi Kerajaan di-negeri Kelantan yang ada bersultan, saya sangat hairan yang dia boleh menyokong satu pemberontakan hendak membunuh Sultan Brunei. Ini menjadi tauladan bagi manusia atas pemberontakan itu apabila mengalir di-tempat lain. Jadi, saya suka memberikan sedikit nasehat kepada-nya, dengan tulus ikhlas-nya jaga²-lah sedikit didalam menyokong pemberontakan itu.

Mr (Deputy) Speaker: Order, order. The time is now one o'clock. The sitting is now suspended to 4.30 p.m. this afternoon.

Sitting adjourned at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.40 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Dato' Dr Ismail: Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Setapak dalam ucapan-nya telah menyindir atas kenyataan yang di-dapati oleh Kerajaan yang menyatakan Azahari ini bukan ra'ayat Brunei. Saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu, walau pun dia ta' ada di-sini, saya fikir dia tentu-lah bacha dalam surat khabar ia-itu Sultan Brunei sendiri

telah bertitah mengatakan yang Azahari ini bukan ra'ayat-nya dan bagi kita yang perchaya kepada Sultan Brunei, melainkan Party PAS dan Socialist Front yang menyokong penderhaka itu tentu-lah mereka tidak perchaya. Azahari ini ia-lah dia itu betul beranak di-Brunei. Ayah-nya daripada bangsa Arab berdagang di-sana dan mengikut Undang² Brunei Nationality Act, Azahari tidak boleh menjadi ra'ayat Brunei dengan chara Operation of Law, tetapi dia boleh meminta menjadi ra'ayat dengan chara registration dan Azahari tidak membuat permohonan yang sa-macam itu.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengatakan ia-itu satu daripada alasan-nya ia-lah oleh kerana dia mesti menjadi ra'ayat Brunei maka dia telah di-angkat menjadi ahli Exco oleh Sultan Brunei. Di-sini saya suka menyatakan ia-itu dia suka di-lantek oleh Sultan Brunei supaya menjadi ahli Exco, tetapi Sultan Brunei ada hak memilih sa-siapa pun bagi menjadi ahli Exco sa-bagaimana yang telah berlaku di-negeri ini sa-masa Kerajaan penjajahan dahulu. Dia juga dengan putar belet-nya telah menganjorkan penderhakaan itu dengan chara penipuan dalam memasoki electrol roll tetapi dia tidak berani menjadi chalun dalam kempen yang lalu. Jadi apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu yang dia bertanding dalam pilihan raya itu sa-mata² tidak betul.

Enche' Lim Kean Siew: Mr Speaker, Sir, on a point of information. We understand that Azahari's name, either deliberately or not—we do not know—was put in the wrong register.

Dato' Dr Ismail: Well, this is not on a point of information. That is your statement and I do not agree with your statement!

Enche' Lim Kean Siew: Well, we have different statements!

Dato' Dr Ismail: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara dalam hujah²-nya mengatakan ia-itu mustahil bagi 150 orang polis pergi ka-Brunei boleh menyelamatkan orang² di-sana. Tentu-lah kata-nya tujuan-nya

ia-lah hendak menindas orang² sana. Jikalau 150 orang ta' boleh menyela-matkan orang² sana, bagaimana-kah 150 orang polis ini boleh menindas orang² sana? (*Tepok*).

Ahli² yang telah mengishtiharkan sokongan-nya kepada pemberontak² yang hendak menjatuhkan Sultan Brunei itu dengan mengatakan yang pemberontakan ini ia-lah sa-mata² anti-British—melawan British, tetapi chuba-lah kita pandang dengan teliti-nya sa-bagaimana yang di-katakan pada masa ini tidak memberontak, tidak dengan chara hendak menubuhkan Malaysia ini, tetapi kenapa-kah pada masa sekarang? Yang kedua, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Prime Minister, sungguh pun Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara mengatakan Tuan Yang Terutama, dan kata-nya lagi yang dia itu Prime Minister dan entah apa lagi! Ini bukan sahaja di-Brunei, tetapi juga di-Borneo-Sarawak dan Sabah yang menapikan sokongan-nya terhadap gerakan penderhaka itu. Yang kita tahu pada masa ini beberapa banyak tanah jajahan British telah di-lepaskan dengan tidak chara pemberontakan dan kita tahu dengan chara itu ada-lah satu policy yang di-puji oleh United Nations ia-itu satu policy Kerajaan British yang melepaskan tanah² jajahan-nya, dan kenapa-kah bagi kita pehak Kerajaan mengatakan yang pemberontakan ini ia-lah memberontak pada Sultan Brunei.

Yang pertama tentu-lah termasuk pada akal kita ia-itu jikalau pemberontakan ini tidak di-tujukan kepada Sultan, kenapa-kah Sultan sendiri telah bertitah condemned revolution itu dan telah menyeru bagi menangkap orang² penderhaka itu? Saya fikir sebab-nya ia-lah bagi Azahari ini dia takut ia-itu Sultan dengan persetujuan orang ramai suka hendak masuk dalam ranchangan Malaysia yang akan di-tubuhkan nanti. Ini-lah yang saya fikir yang sa-benar-nya terjadi pemberontakan itu.

Now, Sir, I come to the very last point in my speech, that is the open declaration of support by those Opposition parties in regard to the rebellion in Brunei. Now, Sir, this thing has never

happened in any country where you give support to a rebellion. You may give recognition to a provisional Government that has been set up by the rebellion but you never openly support a rebellion. This is an international incitement to the people in Brunei. Now, I hope that Members of the Opposition will realise that if by their open declaration there is a complication in this country, I as Minister of Internal Security will not hesitate to take action against those parties responsible. (*Applause*).

Dr Burhanuddin bin Md. Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahatkan usul yang di-bawa oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa tuduhan² yang telah di-limparkan kepada Persatuan Islam dan juga kepada pehak pembangkang dari pehak Perikatan itu ada-lah mengelirukan dan tidak benar. Persatuan Islam telah mengeluarkan siaran-nya ia-itu tidak menyokong penderhaka. Tuduhan² Kerajaan terhadap Persatuan Islam itu, kita telah menyatakan bagaimana pendirian kita sa-bagaimana yang telah di-bacha dalam siaran kita pada pagi ini oleh wakil dari Kuala Trengganu Utara. Dudok-nya perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kita mengingatkan Kerajaan supaya jangan terlibat menghantar bantuan ka-Brunei. Jadi hantaran bagi membantu penjajah, menekan dan membunuh ra'ayat yang bangun hendak menentukan nasib-nya sendiri, hendak menentukan supaya mereka bebas dan merdeka.

Ini-lah tujuan dan ini-lah pendirian Persatuan Islam yang telah di-siarkan sa-chara bertulis kepada akhbar² itu, tidak sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, PAS keluar dari Dewan ini sa-sudah memajukan permohonan-nya supaya perkara yang penting ini di-bahatkan, dan manakala permintaan itu, Tuan Yang di-Pertua, telah tidak dapat menerimanya, maka penerangan Yang Berhormat Perdana Menteri berikutan lepas itu berma'ana ada-lah mengaku sendiri bahawa perkara ini satu perkara yang penting. Jadi dengan sa-mata² mendengar keterangan² sahaja dengan

tidak dapat di-bahathkan perkara ini, maka dengan sendiri tidak dapat-lah kita menyatakan bagaimana chinta kita kepada bangsa kita, kepada tanah ayer kita yang mungkin terlibat ra'ayat negeri ini dalam masaalah Brunei itu kelak. Tuan Yang di-Pertua, kata bidalan orang Melayu, "sa-telah di-jolok baharu jatuh, sa-telah di-tolak baharu bergolek." Maka demikian-lah keadaan-nya usul Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada di-hadapan Majlis ini, ia-itu sa-sudah kita minta usul ini di-bahathkan samalam, maka baharu-lah di-bawa satu usul yang di-bahathkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, amat-lah salah menuduh PAS dan lain² parti Pembangkang dengan sebab keluar beramai² membantah sikap Kerajaan itu di-katakan tidak ta'at setia kepada negeri ini, sebab minta di-bahathkan perkara ini ada-lah menunjukkan ta'at setia kita kepada negeri ini lebih daripada Parti Perikatan—(*di-Sampok*). Tuan Yang di-Pertua, PAS sedar ia-itu tidak melanggar peratoran Dewan dan tidak melanggar ruling, Tuan Yang di-Pertua, tetapi menyatakan hasrat tidak bersetuju dengan sikap Kerajaan melibatkan diri dalam urusan negeri Brunei itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu benar kedudukan negeri Brunei ia-itu negeri protectorate British. Sa-bagaimana juga dengan negeri² Kelantan, Trengganu dan Kedah dahulu di-bawah naongan, erti-nya di-bawah Tanah Jajahan, sa-rupa dengan kedudukan Federated Malaya States dan Unfederated Malay States. Kita menuntut kemerdekaan sebab kita di-jajah. Bagitu juga-lah kedudukan negeri² Brunei, Sarawak dan Sabah itu.

Tuan Yang di-Pertua, soal ini soal dalam, maka kita mengingatkan Kerajaan. Dan kita tidak menyentoh soal pemberontakan itu, ada-kah mereka pemberontak atau menderhaka, itu ada-lah masaalah mereka, bukan masaalah kita sama ada patut men-champori atau melibatkan diri kita dalam masaalah itu. Apa yang kita hendak ingatkan kepada Kerajaan ia-itu supaya kita jangan terlibat dalam masaalah pergaduhan dalam negeri itu.

Masaalah ini nyata, Tuan Yang di-Pertua, manakala pehak pemberontak yang di-ketuaⁱ oleh Azahari

SOME HONOURABLE MEMBERS: Yang Terutama!

Dr Burhanuddin: menyatakan bahawa dia ia-lah menentang penjajah, dan tidak menderhaka kepada Sultan. Ini ada-lah pengakuan daripada Azahari sendiri. Ini soal dalam. Bukan soal ini yang hendak di-bahathkan oleh PAS. Sa-bagaimana kenyataan daripada Sultan dan daripada pemberontak itu sendiri bahawa masaalah ini ada-lah masaalah dalam negeri itu. Kita tidak patut men-champori masaalah mereka. Biar-lah masaalah itu mereka sendiri menyelesaikan-nya. Perjuangan ra'ayat di-bawah Tanah Jajahan sudah lama hendak menuntut kemerdekaan hanya-lah di-beri peluang sa-bagaimana yang dinyatakan dalam ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri sa-malam. Peluang² itu akan mengechiwakan ra'ayat itu sendiri dengan chara Perlembagaan yang di-beri itu. Ini semua sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah perkara dalam negeri mereka. Negeri² Brunei, Sarawak dan Sabah 100 peratus di-bawah ta'alok British.

Telah menjadi pengetahuan umum bahawa negeri² yang di-jajah itu ada dua suara: suara penjajah dan suara ra'ayat. Suara ra'ayat tidak di-pakai, tetapi suara penjajah yang di-pakai. Jika ada suara ra'ayat yang meng-ampu, itu ada-lah tali-barut penjajah. Suara ra'ayat tetap bertentangan dengan penjajah. Ra'ayat menyokong Malaysia untuk menghapuskan penjajah. Perkara ini terang sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, di-mana² juga negeri yang di-jajah. Tuan Yang di-Pertua, penentangan ra'ayat Brunei sekarang nyata bagaimana hasrat mereka berkehendakkan kebebasan dan menentukan nasib mereka sendiri. Masaalah yang timbul dalam negeri itu ia-lah di-antara Sultan, penjajah dan ra'ayat negeri itu. Penentangan ra'ayat Sarawak telah ketara menentang penjajah apabila mereka membunuh Governor penjajah negeri itu dahulu. Ini menunjukkan bukan sahaja ra'ayat Brunei, tetapi juga di-Sarawak ra'ayat tidak

sanggup menahan tekanan penjajah. Perkara ini bukan baharu, tetapi sudah lama.

Di-dalam ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan kita telah mengetahui ia-itu pada 7hb November, pergerakan pemberontakan itu telah mendapat latehan di-Malinau. Kenapa-kah langkah mendamaikan dan mengelakkan pertumpahan darah tidak di-lakukan dengan segera supaya British segera memberi kebebasan dan kemerdekaan kepada ra'ayat? Ini-lah sikap PAS supaya kita yang sa-darah sa-daging dapat mengerti benar² di-mana hasrat ra'ayat, di-mana masalah dalam negeri dan di-mana kedudukan penjajah di-Brunei dan Kalimantan Utara itu. Kita chinta kepada bangsa kita. Kalau hendak masukkan mereka itu ka-dalam Malaysia gagasan Yang Berhormat Perdana Menteri itu, maka sapatut-nya-lah di-beri lapang dan nafas untuk ra'ayat dapat merasa, dan tekanan² yang di-rasai oleh ra'ayat itu dapat di-lepaskan. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah tidak ada tekanan² yang hebat tentu sa-kali tidak ada siapa yang memberontak. Ini ada-lah soal dalam. Kita sendiri ta' dapat merasa bagaimana tekanan yang di-rasai oleh ra'ayat itu. Tekanan penjajah itu menyebabkan ra'ayat memberontak menentang penjajah. PAS ada-lah perchaya daripada keterangan sa-orang pegawai British, ia-itu dia bertanya ada-kah Sultan selamat, dan pengakuan daripada pehak pemberontak, Sultan dalam aman dan selamat, dan pehak pemberontakan itu sendiri mengatakan bahawa pemberontakan itu bukan-nya di-tujukan kepada Sultan, bahkan ta'at setia mereka tetap kepada Sultan, tetapi mereka bimbang dan takut bahawa Sultan di-peralatkan sa-bagaimana yang biasa di-lakukan oleh penjajah.

Ini ada-lah perkara yang biasa di-dalam sejarah, Tuan Yang di-Pertua. Dan ini tidak-lah dapat di-lindungi sa-bagaimana pengaruh penjajah dalam memutar belitkan dan mengelirukan dunia luar supaya membenarkan tindakan² penjajah itu melakukan sa-suatu ka-atas pemberontakan dan

mendiamkan kebangkitan ra'ayat yang benar² hendak bebas dan merdeka.

Sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri bahawa satu keputusan sudah di-ambil pada 5 December, telah di-ketahui bahawa ra'ayat itu akan memberontak maka ini sudah tentu bahawa ini ada-lah hasrat ra'ayat sudah ada di-dalam negeri itu merasa tidak puas hati dengan jalan itu-lah mereka memilih diri mereka daripada melepaskan daripada penjajahan.

Di-dalam penerangan hujongan 4, Perdana Menteri semalam telah mengatakan mereka berchita² hendak menubuhkan wilayah Brunei yang merdeka. Atas penjelasan ini dan adanya kata² yang di-pakai dengan perkataan pemberontakan dan kata² mereka berchita² hendak menubuhkan wilayah Brunei yang merdeka, ini ada-lah merupakan hasrat ra'ayat yang terjajah bukan hasrat ra'ayat yang mengampu penjajahan. Ini hasrat ra'ayat di-bawah tanah jajahan hendak menentukan nasib-nya sendiri—hendak merdeka sa-bagaimana bangsa² yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, keterangan² di-atas nyata-lah bahawa perjuangan ra'ayat Kalimantan Utara suatu pehak berjuang kerana penjajah dengan ra'ayat yang dapat di-peralatkan-nya oleh satu pehak kerana itu-lah PAS mengingatkan kepada Kerajaan jangan terlibat menjadi alat penjajah menekan ra'ayat tetapi biar-lah menchari jalan bagi mendamaikan hasrat ra'ayat supaya berjaya dan dapat di-keluarkan penjajahan daripada Kalimantan Utara. Ini-lah usaha² dan sikap yang patut di-ambil oleh Kerajaan kita. Dan ini-lah perkara siaran yang di-keluarkan tujuan dan hasrat yang di-keluarkan oleh Persatuan Islam di-dalam siaran-nya bukan sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Kerajaan Perikatan itu.

Di-dalam penyiaran kita itu, PAS tidak hendak mempersoalkan apa chorak kemerdekaan ra'ayat Kalimantan Utara itu kerana itu terserah-lah kepada mereka sendiri untuk memilih dengan jalan revolusi, dengan chara Perlembagaan, dengan chara

memilih Malaysia gagasan Tunku Abdul Rahman, ini ada-lah soal mereka sendiri hendak menentukan tetapi apa yang telah meletus ini maka kita tahu bahawa letusan ini ada-lah letusan daripada jiwa ra'ayat yang bertanggung-jawab hendak melepaskan diri yang sudah di-siarkan dalam surat² khabar, sudah lama pemberontakan ini di-tahan² dan sekarang dia tidak boleh di-tahan lagi kerana sa'at meletus-nya sudah sampai.

Jadi, perkara yang saperti ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengelakkan daripada kekerasan, mengelakkan daripada pertumpahan darah, jangan-lah sampai Kerajaan kita ini terlibat di-dalam menyertai hal masalah dalam negeri Kalimantan Utara itu yang kita menjadi alat kepada kepentingan penjajah dan dengan sendiri-nya menekankan kebangkitan ra'ayat di-situ. Dan dengan itu kita dapat menchari jalan tengah sa-bagai pendamai maka timbul-lah rasa mem-perchayai yang kita sendiri boleh menepati bagi pehak penjajah dan Kerajaan kita sendiri boleh menepati bagi pehak yang sudah di-ketahui hendak bangkit dan dapat di-elakkan pemberontakan ini. Ini-lah perkara yang di-tujukan—yang di-maksudkan oleh Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dalam siaran-nya. Tuan Yang di-Pertua, PAS amat-lah kesal-nya dengan kenyataan Yang Berhormat Perdana Menteri melibatkan jiran kita Indonesia dalam perkara ini. Biar-lah soal Brunei tinggal soal dalam Brunei itu sendiri, Malaya jangan-lah chari musuh dengan jiran-nya, jangan-lah di-bangkit²kan dalam perkara² yang maseh keadaan itu di-pandang oleh Persatuan Islam ini masalah dalam negeri yang kalau kita hendak cham-por tangan biar-lah mendamaikan perselisihan itu. Hasrat ra'ayat yang hendak merdeka itu kita sokong sa-hingga sampi terchapai kemerdekaan-nya dan penjajah yang memutar belitkan itu supaya dapat kita meng-halau keluar daripada Kalimantan Utara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan bantuan Polis Hutan yang sudah di-adakan Undang²-nya maka

Persatuan Islam ini ada-lah ketahui bahawa Undang² itu mesti di-hormati, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah Undang² ini di-buat tentu-lah ada intention bagi Undang² itu sendiri. Maksud daripada Undang² itu di-buat manakala satu² perkara yang membawa kepada keamanan dan order maka itu-lah di-tujukan oleh Undang² itu. Tetapi sa-sudah tidak ada order lagi, sudah ada pemberontakan, Undang² ini di-bawa saya rasa sudah-lah tidak kena lagi dengan semangat dan mesti-lah Undang² yang mengatasi daripada tujuan yang mula² itu di-pakai Undang² yang sesuai dengan kepentingan bagi mengelakkan penumpahan darah di-Kalimantan Utara itu dengan menyumbangkan hasrat ra'ayat mengenai putar belit penjajahan yang hendak mengekalkan penjajahannya di-Kalimantan Utara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengemukakan usul, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri membawa soal yang sa-patut-nya tidak-lah dia menyesali Persatuan Islam tetapi patut dia menyesali diri-nya sendiri bukan menyesali parti² siyasah yang hendak perkara ini di-bahathkan dengan segera tetapi sa-hingga sudah di-cholek baharu-lah perkara ini hendak di-bawa. Daripada keterangan² Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ada-lah nyata menyebelahi kepada penjajah dengan tidak menimbangkan hasrat ra'ayat di-bawah tanah jajahan yang memberontak itu. Berkali² ditegaskan bahawa Azahari tidak melawan Sultan, berkali² telah di-tegaskan oleh Azahari sendiri dia tidak melawan Sultan dan dia tetap ta'at setia kepada Sultan. Sa-balek-nya masalah ini bukan kita yang menjadi Hakim di-dalam Dewan ini tetapi masalah ini harus-lah kita kembalikan kepada orang tengah sendiri menyelesaikan masalah pokok perkara hendak melepaskan diri daripada penjajahan, hendak melepaskan tindakan penjajah terhadap Kalimantan Utara itu, ini ada-lah nyata daripada apa yang di-suarakan oleh Azahari dan daripada pehak pemberontakan itu. Jadi dalam perbahathan ini berbalek kepada masalah-nya soal dalam bukan kita patut menjadi Hakim-nya tetapi hal ini

biar-lah mereka itu sendiri menyelesaikan-nya supaya jangan kita terlibat menolok penjajahan menekan ra'ayat yang hendak merdeka itu.

Kerana manakala kita telah terlibat maka terlibat-lah seluruh ra'ayat negeri ini dalam masaalah menyokong penjajahan, menekan kebangkitan ra'ayat di-Kalimantan Utara itu. Sa-perkara lagi dalam ucapan Perdana Menteri dalam mengemukakan usul yang menyebut bahawa Persatuan Islam seperti Kominis, Tuan Pengerusi, mudah sangat-lah sa-chara lojik Timbalan Perdana Menteri ini sa-olah² yang bulat itu bola, tetapi bukan-lah yang bulat itu semua-nya bola. PAS ada-lah jelas sakali sudah mempunyai dasar undang²-nya bukan-kah Islam bertentangan dengan faham Kominis? Dan tidak ada satu Party yang mempunyai fahaman yang mendalam seperti PAS. Tidak perlu-lah saya hendak menerangkan dengan panjang lebar, Tuan Pengerusi, di-sana bahawa undang² PAS telah di-sahkan oleh Kerajaan negeri ini dan telah dapat sokongan hampir² 400,000 ra'ayat negeri ini. Tuan Pengerusi, juga Timbalan ini menerangkan, pemberontakan itu adalah menjunkkan ta'at setia-nya kepada tanah ayer dan mengatakan pemberontakan di-Kalimantan Utara itu, saya telah mengatakan tadi kerana perkara itu di-bawa oleh PAS tidak hendak mempersoalkan, soal pemberontakan itu, soal apa chara perjuangan di-sini, soal-nya kita tidak mahu terlibat, dan jangan terlibat, dengan sebab pertentangan dan pertarungan penjajahan dengan ra'ayat hendakkan merdeka dan penjajahan menggunakan tipu belit ka-arrah perjuangan ra'ayat. Ini yang kita tidak mahu, bahawa mengatakan pemberontakan itu tidak setia kepada tanah ayer, ini boleh di-nyatakan cherita sejarah perjuangan, Tuan Pengerusi, sebab mana² negeri yang di-tekan oleh penjajahan, tentu ra'ayat-nya memberontak. Pemberontakan itu-lah tanda setia yang sudah di-buktikan berlaku dalam beberapa kejadian dalam sejarah ini. Maka soal Brunei Kalimantan Utara, atau soal pemberontakan itu di-serahkan-lah sa-bagai satu masaalah dalam negeri itu. Bukan soal yang hendak kita bahathkan oleh

PAS. Tuan Pengerusi, saya rasa itu-lah perkara² yang patut saya berikan keterangan dan berkenaan dengan tuduhan² daripada wakil yang lari daripada Tanah Merah yang telah menimbulkan soal yang tidak ada berkaitan dengan perbahathan ini. Kerana hal ini sudah mengenai di-sakeliling hal perjuangan saya dari dahulu sampai sekarang. Tuan Pengerusi, kalau-lah saya hendak menjawab perkara itu, kerana Ahli Yang Berhormat itu sendiri sudah di-ketahui oleh umum di-seluruh Tanah Melayu ini, dahulu bertentangan dengan Perikatan, orang semua tahu dan sudah menentang Perikatan, kemudian sekarang dalam Perikatan menentang PAS pula. Nyata-lah sa-orang yang sudah tidak ada pendirian, maka di-situ-lah Quality-nya orang yang seperti ini sudah tidak ada dapat di-nilai lagi dalam menimbangkan nilai kata²-nya. Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, perkara yang di-timbulkan itu ada-lah perkara tuduhan karut, tuduhan yang palsu yang boleh menimbulkan kachau bilau yang keliru, maka biar-lah keliru itu berputar² di-dalam hati-nya sendiri. Bahawa saya ada-lah bersehh daripada apa yang di-tudoh itu. (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, bahawa perjuangan di-Tanah Melayu itu bukan baharu saya ikut, tetapi semenjak mula ra'ayat negeri ini takut berpolitik di-negeri ini, hingga ra'ayat berani sama² berpolitik, daripada zaman mula takut merdeka sama² saya perjuangan untuk menegakkan chita² merdeka negeri ini. Dan sekarang di-dalam mengisi bentuk merdeka tanah ayer kita, ada yang membawa kepada Socialist dan ada yang membawa Kominis, chara Perikatan berhanyutan. Saya memilih menurut bentuk yang berdasarkan kepada Islam maka itu-lah saya menegakkan dan berdiri di-atas chita² Islam yang di-redza'i oleh Allah. Sudah tentu-lah Tuan Pengerusi, bahawa saya ingat benar daripada 1935 baharu-lah kembang rasa politik dan baharu-lah di-sadari ra'ayat dapat menyebut kemerdekaan itu dan bagitu juga manakala mengisi chita² Islam di-dalam berbagai pertentangan ideology juga manakala jiwa yang genuine (tulin)

di-negeri ini bahawa ra'ayat yang tulin asli tetap dengan jiwa Islam.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): On a point of order 36 (1). Saya nampak perkara yang di-bahathkan itu tidak ada kena-mengena.

Mr (Deputy) Speaker: Ada juga bersangkutan.

Dr Burhanuddin: Saya rasa saya ada-lah menjawab tuduhan² berkenaan dengan sa-keliling yang telah dibangkitkan tadi. Saya lari daripada tidak bertanggung-jawab, Tuan Pengerusi, itu-lah dalam chara ringkas bagaimana saya telah menyertai perjuangan menchintai bangsa tanah ayer, memperjuangkan chita² Islam ra'ayat negeri ini. Perjuangan saya dengan menempoh berbagai² kesulitan oleh penjajah, saya rasa chukup-lah dan saya lebeh mengerti daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah didalam menghadapi dan merasakan sakit di-hentam oleh penjajah, dan kerana itu-lah PAS sama dengan chita² Islam yang tidak boleh di-jajah dan mesti hanya dengan hukum Allah, sa-lagi belum berjalan hukum Allah, maka sa-lagi belum berjalan hukum Allah maka itu-lah umat Islam belum merdeka dalam pandangan Islam. Tuan Pengerusi, saya di-sama²kan dengan Sheikh Azahari hal-nya berlainan dengan kedudukan saya, sama juga pada saya membela Singapura dengan Persekutuan ada-lah satu, bahkan pada masa penjajahan dahulu tidak berlainan. Jadi soal tuduhan itu bagaimana yang saya katakan tadi bahawa wakil daripada Tanah Merah ini tidak ada pendirian dan kalau tidak ada pendirian maka nilai-nya pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerana wakil Tanah Merah dan keterangan² dari Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, begitu juga Yang Berhormat Perdana Menteri yang memperkecil²kan perjuangan ra'ayat Kalimantan yang hendak melepaskan diri-nya daripada genggamannya penjajah itu, dan ditthabitkan pula bahawa pemberontakan itu tidak ada kena-mengena dengan Malaysia, tetapi saya nampak bahawa daripada kata² yang telah disiarkan dalam surat² khabar, nyata-lah bahawa ra'ayat Kalimantan tidak mahu

di-jadikan sa-bagai telur di-hantar daripada satu bakul ka-satu bakul kerana mereka memahami di-mana duduk perjuangan Malaysia yang hendak di-perjuangkan oleh Perdana Menteri. Mereka telah nampak dengan nyata bahawa kemerdekaan Malaya ada-lah sa-bagaimana: Menang Pa' Kadok—menang sorak, kampung ter-gadai—dalam chita² kebangsaan, kebangsaan bumi putera negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, merdeka Malaya, Tunku Perdana Menteri telah memberikan hak mutallak ketuanan bangsa Melayu lebeh 1½ million kepada orang² yang bukan Melayu yang bukan berhak mutallak dalam negeri ini. Ini ada-lah nyata, Tuan Yang di-Pertua, merdeka yang telah di-chabul hak timbul-nya negeri Melayu dengan penchabulan undang² kera'ayatan yang di-bentok oleh penjajah. Ini perkara yang besar yang nampak terang dalam perjuangan dan menchapai kemerdekaan Tanah Melayu kita dan hal ini ada-lah di-ketahui oleh pehak² ra'ayat Kalimantan yang mereka akan di-buat dengan ada-nya gagasan Malaysia di-mana mereka akan menjadi sa-bagai telur di-hantar daripada satu bakul ka-satu bakul penjajah. Semua-nya ini, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat Kalimantan itu tahu ada undang di-sabalek batu dalam ranchangan ini. Ini-lah yang di-nampak oleh kita disini, yang di-nampak oleh orang² Kalimantan yang hendak mengelakkan diri-nya daripada menjadi anak patong penjajah, atau pun sa-bagai telur di-hantar daripada satu bakul ka-satu bakul, yang mula dari bakul penjajah dan di-hantar ka-dalam bakul penjajah juga. Sa-sunggo-nya ra'ayat di-seluruh dunia ini yang sedar dan bangun berkehendakkan perubahan dari fahaman penjajah chara bentok lama kepada bentok baharu yang sekarang dalam bentok melenyap dalam keadaan hidup, maka dalam keadaan ini-lah kita daripada Persekutuan Tanah Melayu dan kita sa-bagai ra'ayat yang chintakan kepada tanah ayer, yang chintakan kepada keamanan supaya Kerajaan kita tidak-lah terlibat dengan chara penjajahan yang sedang berjalan sekarang, tetapi chari-lah jalan sa-bagaimana yang telah disiarkan oleh Persatuan Islam, yang kita

harapkan itu-lah jalan yang menjadi baik kepada ra'ayat yang tidak pernah penjajah Inggeris hendak memberi kemerdekaan sa-bagaimana yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi. Ini bolehlah dengan usaha Kerajaan kita, chara bentok kemerdekaan sekarang juga bagi membawa perdamaian bahawa tidak ada ra'ayat sana yang suka bergaduh pertumpahan darah, kalau kita mahu menjadi orang tengah menjamin ra'ayat Kalimantan supaya di-beri kemerdekaan dan supaya penjajah keluar dan akan dapat di-ator dengan chara yang lebeh baik.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Dalam Negeri dan juga Timbalan Perdana Menteri telah berper² mengatakan yang Azahari itu penderhaka. Azahari telah pun mengatakan yang dia tidak penderhaka, dia ta'at dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengatakan dia ra'ayat penderhaka. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan balek, ini ada-lah soal dalam negeri. Pernah kejadian dalam negeri kita sendiri bahawa ra'ayat negeri ini telah mengingatkan Sultan² Melayu supaya jangan menyain treaty McMichael tetapi dengan pandai putar-belit McMichael, Raja² Melayu telah menyain Malayan Union. Itu ada-ah sejarah penjajah, dan Sultan Brunei yang maseh dalam tanah jajahan itu tidak-lah mustahil bahawa satu chara paksaan, atau chara bagaimana bijak pandai menggunakan alat penjajah supaya menekan Parti Ra'ayat negeri itu. Saya rasa itu-lah perkara yang hendak saya katakan dan sa-bagai penutup-nya Persatuan Islam ini tidak-lah hendak menchabul soal pemberontakan dan tidak hendak membahathkan soal pemberontakan di-Brunei itu. Soal yang menjadi pokok kepada kita ia-lah supaya Kerajaan Persekutuan jangan menjadi terlibat dengan menjadi alat, atau menjadi alat kepentingan penjajah bagi menekan ra'ayat yang sudah begitu hasrat-nya dan soal perbalahan itu ada-lah soal dalam yang mesti di-selesaikan oleh mereka itu sendiri, bukan kita yang menjadi hakim, kita sa-bagai orang tengah bagi menchari jalan yang aman supaya penjajah itu keluar dari-

pada Kalimantan Utara. Itu-lah tujuan Parti Persatuan Islam.

EXEMPTED BUSINESS (MOTION)

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, I beg to move—

That the proceedings on the motion relating to the stand of the Federation Government in regard to the armed rebellion in Brunei shall be exempt from the provisions of S.O. 12 (1) until 7 p.m. tonight and that Mr Speaker shall then put all the necessary questions to bring the proceedings on the same motion to a conclusion.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings on the motion relating to the stand of the Federation Government in regard to the armed rebellion in Brunei shall be exempt from the provisions of S.O. 12 (1) until 7 p.m. tonight and that Mr Speaker shall then put all the necessary questions to bring the proceedings on the same motion to a conclusion.

PEMBERONTAKAN BERSENJATA DI-BRUNEI

(Armed Rebellion in Brunei)

Debate resumed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa berkewajipan mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang penting ini yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sa-telah mendengar ucapan² dan kenyataan² daripada Ahli² Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang, maka saya tidak-lah hairan kalau Socialist Front menyokong pemberontakan yang sedang berlaku di-Brunei itu, tetapi yang saya nyaris² ta' perchaya dunia ini dunia lagi dan 'alam ini macham 'alam yang Tuhan buat ia-lah apabila saya mendengar sikap dan pendirian PAS berkenaan dengan pemberontakan itu, saya berasa nyaris² langit yang di-atas kita ini akan runtoh, akan jatoh menimpa bumi dengan sebab sikap yang di-tunjokkan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada PAS yang menyokong, membesarkan² dan mengagong²kan pemberontakan yang sedang berlaku di-Brunei itu sa-bagai satu tanda

gerakan ra'ayat hendak membebaskan diri-nya—konon. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di-sini ada keganjilan apakala Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berchakap nyata benar—kalau telinga saya tidak menipu saya—nyata benar bahawa PAS menyokong pemberontakan itu—(Some Honourable Members: Hear, hear.). Tiba² apakala Yang Berhormat dari Besut bangun kata-nya: pendirian PAS berlainan pula. Jadi siapa yang kita hendak perchaya, Tuan Yang di-Pertua, yang sa-orang ia-lah Yang di-Pertua PAS, dan yang sa-orang lagi ia-lah Naib Yang di-Pertua PAS? Jadi nampak²-nya, Tuan Yang di-Pertua, PAS ini bingung (*Ketawa*). Pendirian mereka kelim kabut dalam satu soal yang bagini terang dan jelas. Kalau PAS yang berchakap itu membacha “Kulhuallahu ahad” tiga kali, insha-Allah, hati mereka akan terang, tetapi barangkali terlupa ayat itu, mereka itu ingat hanya waktu kempen pilihan raya, sebab mereka hendak chari undi.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, saya boleh rengkaskan bagini: pemberontakan itu pemberontakan kebangsaan, dan untuk menentang penjajah. Dan Azahari itu bukan-nya penderhaka, dia perajurit dan pahlawan walau pun dia lari dari tanah ayer-nya—pahlawan juga sifat-nya—tidak memimpin sendiri perjuangan itu pahlawan juga Azahari itu. Itu kesimpulan ucapan yang panjang lebar daripada Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara. Satu lagi kesimpulan di-dalam ucapan-nya ia-lah perjuangan itu wajib di-sokong dan di-bantu. Walau apa juga ikhtiar dan helah serta daya yang telah di-usahakan oleh Yang Berhormat dari Besut hendak menafikan perkara ini, tetapi dia tidak dapat menafikan dan tidak dapat hendak menutup mata dan fikiran kita dalam Dewan ini, kerana Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi telah berkata dengan terang² yang dapat difahamkan oleh sa-bodoh² manusia di atas muka bumi Allah ini. Dia mengatakan: kalau halal kita menyokong Algiers dalam perjuangan bersenjata-nya, kenapa tidak halal menyokong perjuangan bersenjata di-Brunei itu?

Ini, Tuan Yang di-Pertua, jelas sa-kali dan terang sa-kali bahawa PAS menyokong perjuangan bersenjata itu. Kemudian, agak-nya lepas makan tengah hari, barangkali ada sembahyang sunat dua rakaat sa-belum dan sa-lepas zohor, dia teringat ia-itu apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi sudah salah, maka Yang Berhormat dari Besut hendak membetulkan kesalahan itu. Jadi, di-sini, saya serahkan kepada Dewan ini dan kepada ra'ayat seluroh Tanah Melayu ini dan kepada ra'ayat dunia memerhatikan telatah pemimpin² PAS yang tidak mempunyai satu pendirian yang tentu, terang dan tegas di-dalam satu soal yang bagini penting.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara menyatakan bahawa perjuangan ini ada-lah perjuangan untuk menentang penjajah, dan untuk hendak memerdekakan negeri Brunei. Sa-panjang yang saya tahu dan sa-panjang kenyataan² yang telah di-beri oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan timbalan-nya dan juga lain² Menteri bahawa kemerdekaan Brunei itu tinggal “a matter of time” sahaja. British sudah sanggup hendak keluar dari negeri itu, bahkan British sudah pun membuat persetujuan dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei supaya menarek pegawai²-nya keluar dari Brunei, dan pegawai² itu di-ganti dengan pegawai² Malaya untuk melatah orang Brunei memerintah dan mentadbirkan negeri-nya sendiri. Jadi siapa penjajah yang hendak di-tentang di-sana lagi? Boleh jadi dari segi undang² dan perjanjian, British maseh menjadi penaong kepada Brunei, tetapi dari segi kenyataan dan hakikat, British sudah dalam perjalanan balek ka-negeri-nya. British hendak menyerahkan negeri itu kepada anak negeri Brunei sendiri. Dan di-minta saudara²-nya yang sa-darah sa-daging ia-itu daripada kita Tanah Melayu ini supaya menolong jiran kita yang sa-darah sa-daging di-Brunei, bagaimana hendak memimpin dan mentadbir negeri. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, apakala Tanah Melayu ini telah menghantar pegawai² dan kaki-tangan-nya untuk memberi pertolongan itu,

kedatangan mereka itu telah di-salah-fahamkan oleh Parti Rakyat yang menganjorkan pemberontakan pada hari ini Parti itu telah menghasut ra'ayat Brunei dengan mengatakan: orang Malaya yang datang itu hendak menjajah negeri Brunei. Pada hal kedatangan kita ka-negeri itu bukan-nya hendak menjajah, tetapi sa-mata² hendak menolong, melateh ra'ayat Brunei itu supaya dapat mentadbir dan memerintah negeri-nya sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, alasan yang mengatakan bahawa pemberontakan ini menentang penjajahan ada-lah tidak benar. Kita telah di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara menyokong kuasa colonial—kuasa penjajah imperialism untuk mengekalkan imperialism di-dalam negeri Brunei. Pada hal usaha² yang sedang di-jalankan pada hari ini dalam bentuk Malaysia semua-nya usaha² ini mengarah kepada satu tujuan ia-itu hendak menghambat penjajahan daripada negara yang berjiran dengan kita itu. Jadi, tuduhan yang mengatakan kita hendak menyokong colonial power atau kuasa penjajah di-Brunei itu ada-lah satu tuduhan yang tidak berasas, satu tuduhan yang mengelirukan orang yang mendengarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu hujah lagi yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara mengatakan bahawa kita jangan-lah hendak memaksa konsep Malaysia itu ka-atas ra'ayat² di-Brunei. Sa-panjang yang saya tahu ra'ayat Brunei tidak di-paksa dan ra'ayat di-mana² negeri tidak akan di-paksa untuk masuk dalam Malaysia. Apakala ranchangan Malaysia itu mula² di-lahirkan Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu dan dunia seluroh-nya tahu bahawa Kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu telah menubuhkan sa-buah Surohanjaya supaya mengambil tahu fikiran² ra'ayat dalam tanah jajahan Sabah dan Sarawak, tetapi soal Brunei oleh kerana dia mempunyai kedudukan tersendiri, kita tidak ganggu dan tidak kachau dia dan terpulang-lah kepada Brunei sendiri menentukan ada-kah hendak masuk atau tidak ka-dalam Malaysia ini. Jadi sa-barang tuduhan yang mengatakan

kita hendak memaksakan Malaysia ka-atas negeri² yang bersangkutan itu ada-lah tuduhan palsu. Dengan mensifatkan perjuangan atau pemberontakan di-Brunei itu sa-bagai perjuangan yang mendapat sambutan daripada Borneo Utara ini pun satu da'awaan palsu—tidak berasas. Kita telah dengar dan membaca semenjak kejadian itu berlaku pemimpin² di-Sarawak telah menyatakan bahawa mereka menentang gerakan yang sedang di-jalankan, gerakan derhaka yang sedang di-jalankan oleh Azahari di-Brunei itu.

Waktu saya melawat Serawak saya telah menemui beberapa pemimpin parti Politik di-sana, mereka telah menceritakan kepada saya bagaimana Azahari telah melawat di-Serawak dan menyuruh mereka menyokong perjuangan-nya tetapi mereka telah menolak Azahari dengan mentah² dan beliau balek dengan tangan kosong dari Serawak dan Sabah, dia tidak mendapat sambutan. Kalau pun dia dapat sambutan di-Serawak dan Sabah sambutan itu hanya datang daripada anasir² kuminis dan pemimpin² SUPP.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah berhempas pulas hendak mem-bersuhkan PAS hendak menyapu dari muka PAS chat yang di-hitamkan oleh kawan-nya tadi (*Ketawa*). Berhempas pulas mengatakan soal pemberontakan itu tidak menjadi soal kepada PAS itu soal dalam negeri, itu tidak ada kena mengena dengan kita. Apa yang kita mempersoalkan ia-lah kita mesti membantu gerakan kemerdekaan itu, ini satu helah yang tidak patut Ahli Yang Berhormat itu bawa ka-dalam Dewan ini kalau dia berchakap di-Kuala Besut menchari undi, boleh-lah. Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Besut terperi² dalam ucapan-nya, terperi² mengatakan bahawa perjuangan sa-umpama di-Brunei itu-lah perjuangan yang chara tegas menuntut kemerdekaan. Kalau ini-lah logic Ahli Yang Berhormat dari Besut maka terang-lah sudah bahawa perjuangan PAS tidak tegas sebab PAS tidak menganjorkan pemberontakan dan penderhakaan bagaimana yang di-lakukan oleh Azahari. Bila saya menyebutkan Azahari derhaka, Tuan Yang di-Pertua, saya pinjam perkataan itu daripada

perkataan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan bukan chiptaan saya sendiri.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Besut mengangap bahawa perjuangan sa-umpama itu ada-lah perjuangan tegas, perjuangan yang tulin untuk menchapai kemerdekaan. Saya terkenang perjuangan kita di-Malaya waktu menuntut kemerdekaan dalam mana Ahli Yang Berhormat itu tidak juga mengangkat senjata jadi dia juga tidak tegas dan tidak tulin. Perjuangan-nya dan dia juga termasuk dalam gulungan pengampu. Saya maseh ingat lagi waktu dia dalam M.N.P. dan API dia telah terselamat daripada tangkapan dan tahanan bagaimana lain² pemimpin dua pertubohan itu sa-hingga mereka menudoh dia sa-bagai ajent penjajah kerana sementara rakan²-nya merengkok dalam tahanan dia berseronok di-Singapura.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, according to Standing Order, "It shall be out of order to use offensive and insulting language about members of the House." I submit, Sir, that the Honourable Member who has been speaking has been using very insulting and offensive language regarding the Member for Besut.

Mr Chairman: It is not insulting language. Please proceed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Besut telah beria² benar meminta Kerajaan supaya jangan membabitkan Tanah Melayu dengan Brunei sana, jangan membabitkan ra'ayat Tanah Melayu dengan hal yang ada di-Brunei itu. Dia mengatakan dengan menudoh pula kita yang akan menjadi alat penjajahan untuk membunuh saudara² kita di-Brunei. Ini tudohan² yang sudah ketertalaluan daripada sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Besut itu. Jadi, Tuan Pengerusi, kita di-tudohnya menyokong penjajahan dan kita bersubhat untuk menekan kebebasan ra'ayat di-Brunei itu, kata²-nya itu adalah menggonchangkan dan menggegar-kan tiang arash. Kita telah menghantar beberapa orang polis untuk menyelamatkan orang² kita di-sana dan ra'ayat Brunei sendiri. Bukan kita menghantar polis itu untuk membunuh

ra'ayat di-Brunei yang tidak berdosa. Kita hendak mengawal dan memelihara ra'ayat Brunei yang tidak berdosa. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya ingin juga hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Besut berapa-kah askar² British yang telah di-tembak oleh Azahari dan berapa kapal terbang² British yang telah di-binasakan oleh Azahari kerana pemberontakan itu? Itu-lah yang saya katakan pada permulaan chakap saya tadi tanda² penjajahan di-sana sa-makin hanyut hendak keluar. Jadi pemberontakan ini bukan hendak menghapuskan penjajahan malah untuk menaikkan Azahari dan kawan²-nya yang tidak lain satu pemberontak untuk menchari kepentingan diri-nya, sekalipun terpaksa mengorbankan beribu² ra'ayat yang ada dalam negeri Brunei, dan negeri yang berdekatan dengan Brunei itu. Tuan Pengerusi, saya biarkan-lah lain² point, itu kapada rakan saya yang lain, saya berpaling kapada Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi Ahli Yang Berhormat itu telah memuji² dan mengagong²kan pergerakan itu atau telah menunjukkan bahawa perjuangan dan pemberontakan yang ada di-Brunei itu ada-lah satu perkara yang halal. Untuk menghalau dan menghapuskan penjajahan. Tuan Pengerusi, kita tidak pelek Ahli² Yang Berhormat itu kerana dia hanya berani menyala²kan api pemberontakan itu tetapi apakala orang² masok dalam api itu dia keluar berlingong daripada British bagaimana yang telah berlaku dalam masa dia memimpin API itu dahulu, jadi di-sini Tuan Pengerusi, tidak ada lebeh senang bagi sa-orang pembangkang saperti Ahli Yang Berhormat dari Besut, dan Setapak, mengapi²kan dan menyalakan² dengan memberi sokongan kapada pemberontak yang ada di-sana kerana mereka sendiri berada di-dalam bilek sejok ini, tetapi kalau mereka dudok di-dalam neraka yang panas tentu-lah dia tidak akan memberontak, jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak memanjangkan lagi ucapan saya untuk memberi peluang kapada yang lain², tetapi di-sini sa-belum saya dudok, saya ingin hendak berkata sa-patah. Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menyentoh kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Kata-nya chakap Ahli Yang Berhormat dari

Tanah Merah itu, dia satu orang yang tidak ada pendirian, hari ini dalam PAS besok dalam Perikatan, senang sa-kali analisa-nya, Tuan Pengerusi, tetapi kalau kita dengarkan dan pasang-an analisa itu di-atas tuboh-nya sendiri apa hal-nya dahulu dia dalam M.N.P., sekarang dalam PAS, entah lusa apa lagi. Ini satu chara menyembunyi-kan diri sendiri dengan menudoh lain orang. Ada-kah PAS sekarang sudah menjadi M.N.P., atau bagaimana, saya tidak tahu. Jadi terpulang-lah kepada beliau Ahli Yang Berhormat itu men-jawab-nya. Tetapi di-sini saya tidak dapat menahan diri daripada menyata-kan rasa sedih dan kasehan kepada sa-tengah Ahli Yang Berhormat dari PAS yang saya tahu terpaksa di-heret² dalam soal yang sa-umpama ini dan juga lain² soal, oleh kerana sikap yang tidak terang daripada pemimpin PAS yang ada pada hari ini.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, I think the most surprising thing about this debate is that it should have been necessary to have one at all. We heard this morning a number of speeches from the Opposition benches. As my colleagues have pointed out, some of the speeches have cancelled one another, but I think we can safely say that the gist of the main Opposition charge against the Government is that it should not have interfered in what they regard as an internal affairs by sending our Police to the strife-torn State of Brunei.

This House, and indeed this country, are fully aware of the background of our relationship with Brunei and that through the years that relationship has become increasingly close and friendly. That being so, it was only natural that when the Government of Brunei asked us for assistance in the matter of seconding administrative and technical personnel to their service, we should have responded sympathetically and positively. Honourable Members are all aware that there is a fair number of Malayan officers serving with the Government of Brunei and hence it was only natural, it was only under-standable, that we should be very anxious about the safety not only of

our personnel but of their families when this trouble broke out a few days ago, but unfortunately Members of the Opposition have distorted this very simple anxiety, this very natural anxiety, into something which is completely at variance with the facts, as all fair-minded and honest people in this country know them to be. For example, the Honourable Member for Ipoh went so far as to say that this act of ours, this act of sending Police to help a friendly Government in trouble, could be construed as an attack on democracy, it could be construed as an attempt to stifle the struggle of a gallant people for independence.

I am reminded of the story of a burglar who robbed a house or who was in the act of robbing a house, and a friendly neighbour went to the assistance of the owner of the house which was burgled, but a jealous bystander accused the neighbour of helping a friend who was in need and stated instead that all the good Samaritan wanted to do was to create more trouble or to add fuel to the fire. That, I think, is generally the line taken by the Honourable Member for Ipoh. He gave a number of instances, and on the whole we must say that he has hitherto tried to be logical and reasonable in his arguments, but I think we on this side of the House have never heard of such an extraordinary exposition. If I may say so, it was a speech in favour of violence. It was certainly one of the most astounding speeches, I think, we have ever heard in this House. To call this movement of Azahari a nationalist movement gives it a rather familiar ring.

The Honourable Member for Ipoh accused us of spilling blood or helping to spill blood by sending Police, but he conveniently forgot that it was not we or the Government of Brunei or the people of Brunei who started this revolt. He went so far as to say that it was not in the interests of democracy to ban the Barisan Sosialis of Singapore from entering Sarawak after the trouble had started, but he also forgot that this happened simply because that Party wanted, as had been pointed out by previous speakers

in this House, to support an armed rebellion against the legally constituted Government after the armed rebellion had taken place, and the Government of Sarawak had, therefore, no alternative but to ban that Party and all its followers.

Honourable Members will have seen in this morning's newspaper that a neighbouring territory has chosen this critical hour to proclaim its open support for the Brunei rebels. Earlier, as I have said, the Singapore Barisan Sosialis had done the same thing. Our own Socialist Front, not surprisingly, has followed suit, and it now appears, so has every other Opposition Party in this country, though the Honourable Member for Besut in a remarkable speech, which is probably the most remarkable example of a political somersault we have ever been able to hear in this House, has, perhaps, reconsidered his Party's stand and thought differently in the last hour or two. One would have thought that this was hardly an issue to divide this country or, perhaps, it would have been more correct to say that it was not an issue to divide this country unless one brings into it the issue of Malaysia and the Communist stand on it which is well known to all of us.

Those of us who sit on this side of the House would like to assume that although the Government and the Opposition are divided on many issues in Parliament, they at least are united where the integrity and the security of this country are concerned. The stand of the Opposition Parties on this issue has, however, come as a shock to many of us, and I think we are entitled to assume, or entitled to doubt, whether, if it came to the push, we could apply the adjective "loyal" to the Opposition Parties in this country. For how else can we explain the Opposition stand that we have no right to respond to a call for assistance of a friendly Government which is facing an armed rebellion and whose very existence is therefore at stake? That stand is only intelligible if those who advocate it wish to see the success of the armed rebellion. That stand is not compatible either for those who profess that poli-

